



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(STPM)**

PERAKAUNAN
Sukatan Pelajaran dan Kertas Soalan Contoh

Sukatan pelajaran ini digunakan mulai sesi 2012/2013 dan tahun-tahun seterusnya sehingga diberitahu.

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berketerampilan, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

PRAKATA

Sukatan Pelajaran Perakaunan yang baharu ini digubal untuk menggantikan sukatan pelajaran Perakaunan sedia ada yang telah digunakan semenjak peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia pada tahun 1997. Sukatan pelajaran yang baharu ini akan mula digunakan pada tahun 2012. Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia pada tahun tersebut akan menjadi peperiksaan pertama yang akan menggunakan sukatan pelajaran ini. Penggubalan semula Sukatan Pelajaran Perakaunan ini mengambil kira perubahan yang hendak dilakukan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia terhadap sistem peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia yang sedia ada. Melalui sistem peperiksaan yang baharu ini, pengajian tingkatan enam akan dibahagikan kepada tiga penggal dan calon akan menduduki peperiksaan pada setiap akhir penggal. Tujuan utama Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) memperkenalkan sistem peperiksaan yang baharu ini adalah untuk memperbaiki orientasi pengajaran dan pembelajaran di tingkatan enam supaya tidak jauh berbeza dengan orientasi pengajaran dan pembelajaran di kolej dan universiti.

Penggubalan semula sukatan pelajaran Perakaunan ini merupakan proses pengemaskinian tajuk, kandungan, dan kemahiran supaya selaras dengan perubahan dalam persekitaran ekonomi dan perkembangan semasa. Sukatan pelajaran ini diharapkan menjadi jambatan ilmu antara mata pelajaran Prinsip Perakaunan di sekolah menengah dengan kursus-kursus yang berkaitan di peringkat diploma atau ijazah yang ditawarkan oleh Institusi Pengajian Tinggi dan badan profesional. Oleh itu, dalam usaha mereka bentuk sukatan pelajaran ini, jawatankuasa telah mengambil kira kurikulum Prinsip Perakaunan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, diploma, dan ijazah serta peperiksaan profesional perakaunan.

Sukatan pelajaran ini telah direka bentuk bagi membolehkan calon memahami dan menghayati teori dan aplikasi dua komponen utama perakaunan, iaitu perakaunan kewangan dan perakaunan pengurusan. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara, sukatan pelajaran ini menerapkan beberapa unsur kemahiran insaniah seperti etika, nilai, undang-undang, dan peraturan dalam profesion perakaunan melalui teori dan kerja kursus.

Sukatan pelajaran ini mengandungi tajuk, waktu pengajaran, dan hasil pembelajaran mengikut tajuk, di samping bentuk peperiksaan, pemerihalan prestasi, glosari, rumus perakaunan, senarai buku rujukan dan kertas soalan contoh.

Usaha menggubal sukatan pelajaran ini telah dilaksanakan oleh jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Profesor Madya Dr. Haji Mohd Yusoff bin Ibrahim. Anggota jawatankuasa lain terdiri daripada beberapa orang pensyarah universiti tempatan dan guru-guru yang berpengalaman luas dalam pengajaran Perakaunan di tingkatan enam. Jawatankuasa juga mengambil kira pandangan daripada wakil badan profesional. Bagi pihak MPM, saya merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada jawatankuasa ini atas khidmat yang telah diberikan. Oleh yang demikian, adalah menjadi harapan MPM agar sukatan pelajaran ini menjadi panduan kepada guru dan calon dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Semoga pelaksanaan sukatan pelajaran ini berjaya mencapai matlamatnya.

Ketua Eksekutif
Majlis Peperiksaan Malaysia

KANDUNGAN

Sukatan Pelajaran 948 Perakaunan

	<i>Halaman</i>
Matlamat	1
Objektif	1
Kandungan	
Penggal 1: Perakaunan Kewangan	2 – 12
Penggal 2: Perakaunan Pengurusan	13 – 23
Penggal 3: Pengaplikasian Perakaunan	24 – 31
Kerja Kursus (Tugasan Amali)	32
Ujian Kerja Kursus Bertulis	33
Skim Pentaksiran	34
Glosari	35
Rumus Perakaunan	36 – 37
Senarai Rujukan	38
Kertas Soalan Contoh Kertas 1	39 – 47
Kertas Soalan Contoh Kertas 2	49 – 55
Kertas Soalan Contoh Kertas 3	57 – 63
Tugasan Kerja Kursus Contoh Kertas 4	65 – 67
Kertas Soalan Ujian Kerja Kursus Bertulis Contoh Kertas 5	69 – 72

SUKATAN PELAJARAN
948 PERAKAUNAN

Matlamat

Sukatan pelajaran ini bertujuan untuk membina dan meningkatkan pengetahuan, kemahiran, dan nilai etika calon dalam bidang perakaunan bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi dan profesional serta mengaplikasikannya dalam kerjaya dan kehidupan.

Objektif

Objektif sukatan pelajaran ini adalah untuk membolehkan calon:

- (a) mengaplikasi konsep, prinsip, andaian, dan piawaian perakaunan;
- (b) menunjuk kemahiran dalam tatacara dan amalan perakaunan secara manual dan berkomputer;
- (c) menyedia, menganalisis, dan mentafsir penyata kewangan dan laporan pengurusan;
- (d) memahami sistem maklumat perakaunan dan sistem kawalan dalaman;
- (e) mengaplikasi teknik perakaunan dalam perancangan, kawalan, dan pembuatan keputusan;
- (f) mengamal kod etika profesion perakaunan.

PENGGAL 1: PERAKAUNAN KEWANGAN

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
<p>1 Asas Perakaunan Kewangan</p> <p>1.1 Pengenalan kepada perakaunan kewangan</p> <p>1.1.1 Perakaunan dan simpan kira</p> <p>1.1.2 Skop perakaunan kewangan</p> <p>1.1.3 Sejarah perakaunan</p> <p>1.1.4 Pengguna penyata kewangan</p>	<p>40</p> <p>2</p>	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mentakrifkan perakaunan dan simpan kira;</p> <p>(b) membezakan antara perakaunan dengan simpan kira;</p> <p>(c) mengenal pasti skop perakaunan kewangan, iaitu pengumpulan, perekodan, pengelasan, analisis, dan pelaporan maklumat;</p> <p>(d) menyatakan tujuan perakaunan kewangan, iaitu untuk menyediakan maklumat, mengkomunikasikan maklumat, membantu membuat keputusan, dan mewujudkan kawalan;</p> <p>(e) mengenal pasti bidang-bidang perakaunan yang lain, iaitu perakaunan pengurusan, perakaunan kos, pengauditan, perakaunan sektor awam, dan percukaian;</p> <p>(f) memperihalkan sejarah perakaunan sejak zaman Luca Pacioli dan perkembangan dalam teknik merekodkan secara manual, mesin, dan komputer;</p> <p>(g) memperihalkan perkembangan dalam piawai perakaunan di Malaysia yang meliputi Ordinan Syarikat 1940, Akta Syarikat 1965, SSAP, IAS, IFRS, MAS, Akta Pelaporan Kewangan 1997, MASB, dan FRS;</p> <p>(h) memperihalkan perkembangan profesion perakaunan di Malaysia MACPA, MIA, MICPA, dan Akta Akauntan 1967;</p> <p>(i) mengenal pasti pengguna penyata kewangan dalaman dan luaran;</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
1.1.5 Etika dalam profesion perakaunan		<ul style="list-style-type: none"> (j) menjelaskan maksud etika, iaitu tentang standard perilaku moral yang munasabah (<i>Reasonable standard of moral conduct</i>); (k) menjelaskan ciri akauntan beretika seperti integriti, keobjektifan, kompeten, kerahsiaan dan berhati-hati, dan perlakuan profesional (rujuk Akta Akauntan 1967); (l) memperihalkan perkembangan profesion perakaunan di Malaysia MACPA, MIA, MICPA, dan Akta Akauntan 1967;
1.1.6 Kerjaya dalam bidang perakaunan		<ul style="list-style-type: none"> (m) mengenal pasti kerjaya dalam sektor awam dan sektor swasta.
1.2 Prinsip perakaunan diterima umum	4	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) membezakan antara prinsip dengan andaian perakaunan; (b) membincangkan andaian perakaunan, iaitu usaha berterusan, tempoh perakaunan, dan mata wang stabil; (c) membincangkan prinsip perakaunan catatan bergu, kos sejarah, wang sebagai ukuran, entiti berasingan, realisasi/pengiktirafan hasil, keobjektifan, kematerialan, ketekalan, konservatisme, pepadanan (termasuk prinsip akruan), dan pendedahan penuh.
1.3 Persamaan perakaunan	2	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mengaplikasi persamaan perakaunan; (b) menganalisis kesan perubahan aset, liabiliti, dan ekuiti pemilik terhadap persamaan perakaunan; (c) menganalisis kesan hasil dan belanja terhadap persamaan perakaunan.
1.4 Kitaran perakaunan	10	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) menjelaskan aliran kitaran perakaunan (perniagaan pemilikan keempunyaan tunggal sahaja); (b) mengenal pasti jenis dan aliran dokumen sumber;

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
<p>1.5 Hasil, belanja, dan pelarasan pada akhir tempoh</p> <p>1.5.1 Asas akruan dan asas tunai</p> <p>1.5.2 Penerimaan</p> <p>1.5.3 Perbelanjaan</p>	<p>10</p>	<p>(c) merekodkan ke dalam jurnal am, jurnal khas, dan buku tunai;</p> <p>(d) mengepos maklumat ke lejar am dan lejar subsidiari, dalam format akaun-T;</p> <p>(e) menyediakan imbalan duga (belum terlaras);</p> <p>(f) menyediakan penyata kewangan (belum terlaras);</p> <p>(g) menjelaskan konsep pelarasan pada akhir tempoh;</p> <p>(h) menjelaskan konsep penyediaan imbalan duga terlaras;</p> <p>(i) menjelaskan konsep penutupan akaun;</p> <p>(j) menjelaskan konsep penyediaan penyata kewangan terlaras.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menjelaskan konsep asas akruan dan asas tunai;</p> <p>(b) membezakan antara hasil terperoleh (<i>earned revenue</i>) dengan hasil diterima;</p> <p>(c) membezakan antara perbelanjaan terlibat (<i>incurred expenditure</i>) dengan pembayaran;</p> <p>(d) membezakan antara penerimaan hasil dengan penerimaan modal;</p> <p>(e) menganalisis kesan penerimaan hasil dan penerimaan modal terhadap untung dan kedudukan kewangan;</p> <p>(f) membezakan antara perbelanjaan hasil dengan perbelanjaan modal;</p> <p>(g) menganalisis kesan perbelanjaan hasil dan perbelanjaan modal terhadap untung dan kedudukan kewangan;</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
1.5.4 Hasil		<p>(h) menghitung hasil dengan mengambil kira diskaun diberikan dan penerimaan terdahulu;</p> <p>(i) mengenal pasti titik pengiktirafan hasil yang berikut dengan merujuk secara umum kepada piawai perakaunan semasa:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) titik jualan (pemborongan dan peruncitan), (ii) titik pengeluaran (perlombongan), (iii) titik peratusan siap (pembinaan), (iv) titik kutipan tunai (jualan ansuran); <p>(j) menjelaskan konsep hasil terakru (hasil belum terima) dan hasil terima dahulu (hasil belum terperoleh);</p> <p>(k) merekodkan pelarasan hasil terakru (hasil belum terima) dan hasil terima dahulu (hasil belum terperoleh) dalam jurnal dan lejar;</p>
1.5.5 Belanja		<p>(l) menghitung belanja dengan mengambil kira tempoh manfaat perbelanjaan;</p> <p>(m) menjelaskan konsep belanja terakru (belanja belum bayar) dan belanja bayar dahulu (belanja prabayar);</p> <p>(n) merekodkan pelarasan belanja terakru (belanja belum bayar) dan belanja bayar dahulu (belanja prabayar) dalam jurnal dan lejar;</p>
1.5.6 Hasil dan belanja lain		<p>(o) merekodkan pelarasan bagi susut nilai, peruntukan hutang ragu, dan hutang lapuk dalam jurnal dan lejar (amaun diberikan);</p>
1.5.7 Pepadanan hasil dan belanja		<p>(p) mengaplikasi konsep pepadanan hasil dan belanja dalam penyediaan akaun perkilangan, akaun perdagangan, dan akaun untung rugi (melibatkan jurnal dan lejar).</p>
1.6 Pembetulan kesilapan	8	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menjelaskan jenis kesilapan yang menjejaskan dan yang tidak menjejaskanimbangan duga;</p> <p>(b) membetulkan kesilapan dalam jurnal dan lejar (termasuk akaun tergantung).</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
1.7 Penyediaan penyata kewangan pemilikan keempunyaan tunggal	4	Calon seharusnya dapat: (a) menyediakan penyata pendapatan dan kunci kira-kira.
2 Aset	36	
2.1 Pengenalan kepada aset	1	Calon seharusnya dapat: (a) mentakrifkan aset; (b) mengelaskan aset kepada aset semasa; aset bukan semasa: aset harta tanah, loji dan peralatan (aset tetap); aset tak ketara, dan pelaburan; (c) menyatakan komponen setiap kelas aset.
2.2 Aset semasa	20	Calon seharusnya dapat:
2.2.1 Tunai		(a) mentakrifkan tunai dan setara tunai; (b) memerihalkan fungsi, objektif, dan skop sistem pengurusan tunai, iaitu sistem penerimaan tunai dan pembayaran tunai; (c) merekodkan urus niaga tunai dalam buku tunai, jurnal penerimaan tunai, dan jurnal pembayaran tunai (rujuk subtajuk 1.4 (c)); (d) menjelaskan kepentingan penyata penyesuaian bank; (e) menyediakan penyata penyesuaian bank (kepada baki tunai terlaras); (f) menyediakan catatan jurnal pelarasan penyesuaian bank;
2.2.2 Sekuriti boleh pasar		(g) mentakrifkan sekuriti boleh pasar, iaitu sekuriti ekuiti (saham) dan sekuriti hutang (bon dan debentur); (h) merekodkan sekuriti boleh pasar (nilai diberikan); (i) menilai sekuriti pada nilai pasaran (rujuk piawai perakaunan semasa);
2.2.3 Belum terima		(j) mentakrifkan akaun belum terima, nota belum terima, dan lain-lain belum terima; (k) memerihalkan fungsi, objektif, dan skop sistem jualan kredit, iaitu sistem pesanan, pengebilan, dan akaun belum terima;

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
<p>2.2.4 Inventori</p> <p>2.2.5 Aset semasa lain</p> <p>2.2.6 Persembahan dalam kunci kira-kira</p>		<p>(l) merekodkan akaun belum terima dalam jurnal dan lejar subsidiari;</p> <p>(m) menjelaskan kepentingan akaun kawalan penghutang;</p> <p>(n) menyediakan akaun kawalan penghutang;</p> <p>(o) menghitung peruntukan hutang ragu berasaskan kaedah peratusan jualan kredit dan peratusan penghutang;</p> <p>(p) merekodkan peruntukan hutang ragu dalam jurnal dan lejar;</p> <p>(q) merekodkan hutang lapuk dan hutang lapuk pulih dalam jurnal dan lejar;</p> <p>(r) mentakrifkan inventori dan memerihalkan fungsi, objektif, dan skop sistem pengurusan inventori, iaitu sistem pengurusan masuk keluar inventori;</p> <p>(s) mengenal pasti jenis inventori, iaitu bahan mentah, kerja dalam proses, barang siap/barang niaga, dan bekalan;</p> <p>(t) mengenal pasti komponen kos inventori barang niaga yang terdiri daripada kos belian, kos pengangkutan, insurans, dan cukai;</p> <p>(u) membandingkan (secara konsep) sistem inventori berkala dengan sistem inventori berterusan dan kaedah perekodan;</p> <p>(v) menentukan kos inventori dengan menggunakan kaedah masuk dulu keluar dulu (MDKD), masuk kemudian keluar dulu (MKKD), dan purata berwajaran;</p> <p>(w) menentukan nilai inventori berasaskan terendah antara kos atau pasaran (TAKAP);</p> <p>(x) menganalisis kesan penilaian inventori terhadap untung (rujuk piawai perakaunan semasa)</p> <p>(y) mengenal pasti aset semasa lain seperti hasil belum terima, belanja bayar dahulu, deposit, dan pendahuluan (rujuk subtajuk 1.5);</p> <p>(z) mempersembahkan aset semasa dalam kunci kira-kira berasaskan piawai perakaunan semasa;</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
2.3 Pelaburan jangka panjang	2	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mentakrifkan pelaburan jangka panjang yang terdiri daripada pelaburan ekuiti (saham), pelaburan hutang (bon dan debentur), pelaburan dalam anak syarikat (subsidiari), syarikat bersekutu dan syarikat lain; (b) merekodkan pelaburan jangka panjang semasa perolehan dan pelupusan (nilai faedah dan dividen diberikan); (c) mempersembahkan pelaburan jangka panjang dalam kunci kira-kira berasaskan piawai perakaunan semasa.
2.4 Aset tak ketara	1	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mentakrifkan aset tak ketara yang terdiri daripada muhibah, paten, jenama, tanda niaga, hak cipta, belanja penubuhan, belanja permulaan (mengikut industri), dan belanja penyelidikan dan pembangunan; (b) merekodkan aset tak ketara semasa wujud/perolehan, pelunasan, dan pelupusan (nilai diberikan); (c) mempersembahkan aset tak ketara dalam kunci kira-kira berasaskan piawai perakaunan semasa.
2.5 Harta tanah dan loji dan peralatan (aset tetap)	12	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mentakrifkan harta tanah dan loji dan peralatan; (b) memerihalkan fungsi, objektif, dan skop sistem pengurusan aset tetap, iaitu sistem perolehan, penyenggaraan, penjagaan, dan pelupusan aset tetap; (c) merekodkan perolehan harta tanah dan loji dan peralatan yang dibeli berasingan, dibeli sekali gus (<i>lump sum</i>), dan dibina sendiri; (rujuk piawai perakaunan semasa); (d) mentakrifkan susut nilai dan membezakan susut nilai dengan penurunan nilai; (e) menghitung dan merekodkan susut nilai dengan menggunakan kaedah garis lurus, baki berkurangan, jumlah angka tahun, dan unit pengeluaran (rujuk piawai perakaunan semasa)

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
3 Liabiliti dan Ekuiti	8	<p>(f) mengenal pasti perbelanjaan hasil dan perbelanjaan modal di sepanjang usia guna aset (rujuk subtajuk 1.5.3);</p> <p>(g) merekodkan pelupusan harta tanah dan loji dan peralatan melalui jualan, skrap, dan tukar beli serta menentukan laba atau rugi pelupusan;</p> <p>(h) mempersembahkan harta tanah dan loji dan peralatan dalam kunci kira-kira berasaskan piawai perakaunan semasa.</p>
3.1 Pengenalan kepada liabiliti dan ekuiti	1	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mentakrifkan liabiliti dan ekuiti;</p> <p>(b) membandingkan liabiliti dan ekuiti;</p> <p>(c) mengelaskan liabiliti kepada semasa, jangka panjang, dan luar jangka;</p> <p>(d) menyatakan komponen setiap kelas liabiliti.</p>
3.2 Liabiliti semasa	6	<p>Calon seharusnya dapat:</p>
3.2.1 Belum bayar		<p>(a) mentakrifkan akaun belum bayar, nota belum bayar, dan lain-lain belum bayar;</p> <p>(b) memerihalkan fungsi, objektif, dan skop sistem belian kredit, iaitu sistem pesanan dan akaun belum bayar;</p> <p>(c) merekodkan akaun belum bayar dalam jurnal dan lejar subsidiari;</p> <p>(d) menjelaskan kepentingan akaun kawalan pemiutang;</p> <p>(e) menyediakan akaun kawalan pemiutang;</p>
3.2.2 Liabiliti semasa lain		<p>(f) mengenal pasti liabiliti semasa lain seperti hasil terima dahulu, belanja belum bayar, dan pendahuluan (rujuk subtajuk 1.5).</p>
3.3 Liabiliti jangka panjang		<p>(a) mentakrifkan liabiliti jangka panjang;</p> <p>(b) mengenal pasti jenis liabiliti jangka panjang seperti pinjaman, gadai janji, bon, debentur, sewa beli, dan pajakan;</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
3.4 Liabiliti luar jangka		<p>(c) merekodkan urus niaga berkaitan liabiliti jangka panjang termasuk pelarasan;</p> <p>(d) mempersembahkan liabiliti jangka panjang dalam kunci kira-kira berasaskan piawai perakaunan semasa.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menjelaskan konsep liabiliti luar jangka berasaskan piawai perakaunan semasa.</p>
3.5 Ekuiti pemilik	1	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) membandingkan ekuiti pemilik antara pemilikan keempunyaan tunggal, perkongsian, dan syarikat berhad;</p> <p>(b) merekodkan urus niaga ekuiti pemilik dalam pemilikan keempunyaan tunggal;</p> <p>(c) mempersembahkan ekuiti pemilik dalam kunci kira-kira pemilikan keempunyaan tunggal.</p>
4 Koperasi	12	(Rujuk Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-peraturan Koperasi 1995)
4.1 Pengenalan kepada koperasi	4	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mentakrifkan koperasi;</p> <p>(b) mengenal pasti jenis koperasi, iaitu asas, menengah, dan atasan;</p> <p>(c) menyatakan prinsip-prinsip koperasi;</p> <p>(d) memerihalkan sumber dana koperasi (rujuk seksyen 50 Akta Koperasi);</p> <p>(e) memerihalkan pelaburan yang boleh dibuat oleh koperasi (rujuk seksyen 54 Akta Koperasi);</p> <p>(f) memerihalkan keuntungan modal dan cara penggunaannya (rujuk seksyen 55 Akta Koperasi).</p>
4.2 Perekodan	4	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) merekodkan sumber dana, pelaburan, dan keuntungan modal.</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
4.3 Penyediaan penyata kewangan	4	Calon seharusnya dapat: (a) menyediakan penyata pendapatan; (b) menyediakan penyata pembahagian keuntungan (rujuk seksyen 57 Akta Koperasi); (c) menyediakan kunci kira-kira.
5 Rekod Tidak Lengkap dan Catatan Tunggal	16	
5.1 Pengenalan kepada rekod tak lengkap dan catatan tunggal	1	Calon seharusnya dapat: (a) memerihalkan rekod tak lengkap dan catatan tunggal; (b) menyatakan sebab berlakunya rekod tidak lengkap dan catatan tunggal.
5.2 Penentuan untung rugi	11	Calon seharusnya dapat: (a) menentukan untung atau rugi dengan menggunakan kaedah perbandingan modal (penyata hal ehwal) dan kaedah analisis (analisis jualan, belian, buku tunai, belanja, dan hasil).
5.3 Penyediaan penyata kewangan	4	(a) menyediakan penyata pendapatan dan kunci kira-kira.
6 Kawalan Dalaman	8	
6.1 Pengenalan kepada kawalan dalaman	2	Calon seharusnya dapat: (a) mentakrifkan kawalan dalaman; (b) menyatakan objektif kawalan dalaman; (c) memerihalkan ciri/prinsip kawalan dalaman yang berikut: (i) penetapan tanggungjawab, (ii) pengasingan tugas, (iii) kelulusan,

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
6.2 Tatacara kawalan	6	<ul style="list-style-type: none"> (iv) pendokumenan, (v) verifikasi dalaman, (vi) kawalan mekanikal, elektronik, dan fizikal, (vii) pusingan tugas. <p>(a) menjelaskan tatacara kawalan dalaman bagi aktiviti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) penerimaan tunai, (ii) pembayaran tunai, (iii) belian, (iv) jualan, (v) pergerakan inventori; <p>(b) menjelaskan batasan kawalan dalaman seperti subahat, konspirasi, kos melebihi manfaat, birokrasi, dan pencerobohan sistem.</p>

PENGGAL 2: PERAKAUNAN PENGURUSAN

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
7 Asas Perakaunan Pengurusan dan Kos	30	
7.1 Pengenalan kepada perakaunan pengurusan	1	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mentakrifkan perakaunan pengurusan dan perakaunan kos; (b) membandingkan perakaunan pengurusan dengan perakaunan kos dari segi aktiviti, fokus, output, dan pengguna output; (c) mengenal pasti skop perakaunan pengurusan yang terdiri daripada pengumpulan, pemprosesan serta pelaporan maklumat kewangan, dan bukan kewangan; (d) menjelaskan fungsi perakaunan pengurusan dalam perancangan, kawalan, dan pembuatan keputusan; (e) menjelaskan hubung kait perakaunan pengurusan dengan perakaunan kewangan; (f) membandingkan perakaunan pengurusan dengan perakaunan kewangan dari sudut jenis pengguna, pemasaan laporan, tujuan laporan, jenis maklumat digunakan, bentuk laporan yang dihasilkan, dan peraturan penyediaan laporan.
7.2 Pengenalan kepada pengurusan kos	1	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) membezakan kos dengan belanja; (b) mengenal pasti skop pengurusan kos yang meliputi pengumpulan, perekodan, pengelasan, penganalisan, dan pengagihan kos.
7.3 Pengelasan kos	3	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mengelaskan kos berasaskan: <ul style="list-style-type: none"> (i) fungsi pengeluaran, iaitu kos produk (kos prima, kos penukaran, dan kos boleh diinventori), (ii) fungsi bukan pengeluaran, iaitu kos tempoh (jualan dan agihan, pentadbiran, dan kewangan);

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
7.4 Komponen kos pengeluaran	1	<p>(b) mengelaskan kos berasaskan kelakuan, iaitu kos tetap, kos berubah, dan kos campuran (separa berubah);</p> <p>(c) mengelaskan kos berasaskan kos langsung, kos tak langsung, kos relevan, kos melepas, kos hangus (kos tenggelam), kos boleh kawal, kos tak boleh kawal, kos jumlah, kos purata, dan kos unit.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) memerihalkan komponen kos pengeluaran yang terdiri daripada kos bahan, kos buruh, dan kos overhead pengeluaran;</p> <p>(b) memerihalkan fungsi, objektif, dan skop sistem pengeluaran, iaitu sistem pengurusan bahan, buruh dan overhead.</p>
7.5 Pengekosal produk	24	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) membandingkan bahan mentah langsung dengan bahan mentah tak langsung;</p> <p>(b) memerihalkan komponen kos bahan yang terdiri daripada harga kos, pengangkutan, caj pelabuhan, insurans, penyimpanan, cukai, diskaun, dan kos pesanan;</p> <p>(c) menyatakan tujuan pengumpulan kos;</p> <p>(d) mengenal pasti jenis dokumen kos bahan yang terdiri daripada permintaan bahan, pesanan belian, inouis, resit, dan kad inventori;</p> <p>(e) menggunakan kaedah pengurusan inventori secara tradisi untuk menentukan yang berikut:</p> <p>(i) kuantiti pesanan ekonomi (KPE) dengan menggunakan kaedah bergraf dan kaedah formula,</p> <p>(ii) titik pesanan semula dan kekerapan pesanan;</p>
7.5.1 Kos bahan		

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
7.5.2 Kos buruh		<ul style="list-style-type: none"> (f) menjelaskan pengurusan inventori dalam sistem tepat pada masa (<i>just-in-time</i> (JIT)) yang meliputi takrif, syarat, dan kepentingannya; (g) membandingkan pengurusan inventori berasaskan kaedah tradisi dengan sistem JIT. (h) membandingkan buruh langsung dengan buruh tak langsung; (i) memerihalkan komponen kos buruh yang terdiri daripada upah, gaji, bonus, faedah sampingan, kerja lebih masa, masa terbiar, latihan, potongan sukarela dan bukan sukarela, KWSP, PERKESO, dan pencen; (j) mengelaskan kos buruh berasaskan kelakuan, iaitu tetap dan berubah; (k) menghitung kos buruh berasaskan: <ul style="list-style-type: none"> (i) masa kerja, iaitu waktu biasa, waktu lebih masa dan syif masa bekerja dengan menggunakan dokumen kad kerja, kad rakam masa, dan kad masa terbiar, (ii) bilangan output dengan menggunakan kad bilangan output;
7.5.3 Kos overhed		<ul style="list-style-type: none"> (l) menjelaskan maksud overhed yang meliputi bahan tak langsung, buruh tak langsung, overhed perkilangan, dan overhed bukan perkilangan; (m) menyatakan komponen kos overhed termasuk gaji, sewa, bekalan, insurans, cukai taksiran dan cukai tanah, penyelenggaraan, susut nilai, dan utiliti; (n) mengumpul kos overhed mengikut pusat kos dan seterusnya mengasingkan kos overhed mengikut kelakuan kos; (o) menguntukkan kos kepada pusat kos pengeluaran dan pusat kos perkhidmatan mengikut kaedah tradisi; (p) menghitung dan mengagih semula kos dengan menggunakan kaedah langsung dan kaedah berjujukan (kaedah bertingkat);

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
<p>8 Kaedah Pengekosan</p> <p>8.1 Pengekosan tempahan kerja</p>	<p>24</p> <p>8</p>	<p>(q) menjelaskan konsep penyerapan overhed dalam pengekosan normal dan pengekosan sebenar;</p> <p>(r) memerihalkan penyerapan overhed jabatan pengeluaran kepada produk;</p> <p>(s) menghitung kadar serapan overhed pratentu berasaskan kos bahan mentah, kos buruh langsung, kos utama, jam buruh langsung, jam mesin, dan unit pengeluaran;</p> <p>(t) menghitung dan merekodkan overhed terkurang atau terlebih serap ke dalam jurnal dan lejar;</p> <p>(u) mentakrifkan pengekosan berasaskan aktiviti;</p> <p>(v) membandingkan kaedah pengekosan berasaskan aktiviti dengan kaedah tradisi dalam memperuntukan kos overhed;</p> <p>(w) menghitung kadar peruntukan kos overhed berasaskan aktiviti.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menyatakan ciri, aliran kos, dan contoh perniagaan yang menggunakan pengekosan tempahan kerja;</p> <p>(b) menentukan dokumen sumber untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) kos bahan langsung (kad lejar stok dan nota permintaan bahan), (ii) kos buruh langsung (kad masa kerja), (iii) kos overhed (lembaran kos overhed); <p>(c) menyediakan lembaran kos kerja untuk menghitung kos tempahan kerja;</p> <p>(d) menentukan dan merekodkan kos kerja siap, kerja dalam proses, dan kos barang dijual dalam akaun kawalan;</p> <p>(e) menyediakan rumusan kepada pihak pengurusan tentang pengekosan tempahan kerja.</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
8.2 Pengekosan proses	10	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) menyatakan ciri, aliran kos, dan contoh perniagaan yang menggunakan pengekosan proses; (b) membandingkan pengekosan proses dengan pengekosan tempahan kerja; (c) menghitung perkara yang berikut dengan menggunakan kaedah purata wajaran dengan tidak mengambil kira rugi normal, rugi tak normal, dan laba tak normal (terhad kepada dua jabatan sahaja): <ul style="list-style-type: none"> (i) unit setara, (ii) kos unit setara, (iii) kerja dalam proses, (iv) penentuan kos dipindah-masuk, (v) kos barang siap; (d) merekodkan dalam jurnal dan lejar (akaun kerja dalam proses, akaun barang siap, dan akaun kos barang dijual); (e) menyediakan rumusan kepada pihak pengurusan tentang pengekosan proses.
8.3 Pengekosan perkhidmatan	6	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) menyatakan ciri, aliran kos, dan contoh perniagaan yang menggunakan pengekosan perkhidmatan; (b) membandingkan pengekosan pengeluaran barangan dengan pengekosan perkhidmatan; (c) menjelaskan tujuan pengekosan perkhidmatan, iaitu menentukan harga/caj/yuran/fi, kawalan, dan pembuatan keputusan; (d) mengelaskan kos kepada kos tersedia (<i>standing cost</i>) dan kos pengendalian berubah (<i>running cost</i>);

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
<p>9 Pengekosaan Marginal dan Serapan</p>	<p>8</p>	<p>(e) menentukan kos seunit perkhidmatan melalui langkah yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) mengenal pasti unit kos dan pusat kos, (ii) mengumpul dan menganalisis kos mengikut kaedah tempahan kerja, (iii) menghitung kos seunit perkhidmatan; <p>(f) menyediakan rumusan kepada pihak pengurusan tentang pengekosaan perkhidmatan.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mentakrifkan pengekosaan marginal dan pengekosaan serapan; (b) mengasingkan kos kepada: <ul style="list-style-type: none"> (i) kos produk dan kos tempoh, (ii) kos tetap dan kos berubah dengan menggunakan kaedah tinggi rendah; (c) menyediakan penyata pendapatan mengikut teknik <ul style="list-style-type: none"> (i) pengekosaan marginal, (ii) pengekosaan serapan (pelarasan overhead terlebih dan terkurang serap); (d) menjelaskan perbezaan untung bersih mengikut teknik pengekosaan marginal dan pengekosaan serapan; (e) memerihalkan kelebihan dan kelemahan teknik pengekosaan marginal dan pengekosaan serapan; (f) menyediakan rumusan kepada pihak pengurusan tentang teknik pengekosaan marginal dan pengekosaan serapan.

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
10 Analisis Kos-Volum-Untung (KVVU)	8	
10.1 Pengenalan kepada analisis KVVU	1	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) memerihalkan KVVU dan pulang modal (terhad kepada satu produk);</p> <p>(b) mengasingkan kos kepada kos tetap dan kos berubah dengan menggunakan kaedah tinggi rendah (rujuk tajuk 9(b)(ii));</p> <p>(c) menjelaskan konsep margin caruman dan nisbah margin caruman;</p> <p>(d) menyatakan andaian dalam analisis KVVU;</p> <p>(e) memerihalkan kelebihan dan kelemahan analisis KVVU;</p>
10.2 Kaedah penentuan titik pulang modal (TPM)	2	<p>(f) menentukan TPM dalam unit dan ringgit dengan menggunakan kaedah persamaan, kaedah margin caruman, dan kaedah bergraf;</p>
10.3 Margin keselamatan	1	<p>(g) mentakrifkan margin keselamatan;</p> <p>(h) menjelaskan kepentingan margin keselamatan;</p> <p>(i) menghitung atau menunjukkan pada graf margin keselamatan dalam unit, ringgit, dan peratusan;</p>
10.4 Aplikasi analisis KVVU	4	<p>(j) menganalisis kesan perubahan komponen yang berikut terhadap TPM, jualan, untung, dan margin keselamatan:</p> <p>(i) perubahan harga jualan,</p> <p>(ii) perubahan kos berubah,</p> <p>(iii) perubahan kos tetap,</p> <p>(iv) perubahan volum jualan;</p> <p>(k) menentukan jualan dalam unit atau ringgit bagi mencapai untung sasaran;</p> <p>(l) menyediakan rumusan kepada pihak pengurusan tentang hasil analisis KVVU.</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
11 Pembuatan Keputusan	30	
11.1 Pengenalan kepada pembuatan keputusan	2	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) menjelaskan maksud pembuatan keputusan untuk pengurusan dalaman; (b) memerihalkan pembuatan keputusan jangka pendek (pendekatan kos relevan) dan jangka panjang (belanjawan modal); (c) menyatakan langkah dalam pembuatan keputusan.
11.2 Kos relevan	14	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) menjelaskan konsep dan ciri kos relevan; (b) mengenal pasti kos relevan dan tak relevan, iaitu kos terlepas, kos hangus (tenggelam), kos pertambahan, kos pembezaan, kos boleh elak, dan kos tak boleh elak; (c) menganalisis dan membuat keputusan dalam situasi yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> (i) membuat atau membeli, (ii) menerima atau menolak pesanan khas, (iii) situasi faktor terhad (terhad kepada satu faktor sahaja dan mengikut tertib keutamaan), (iv) menggugurkan atau meneruskan keluaran/jabatan. <p>(Faktor kualitatif perlu dibincangkan bagi setiap situasi.)</p>
11.3 Belanjawan modal	8	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mentakrifkan belanjawan modal; (b) membuat keputusan dengan menggunakan kaedah yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> (i) tempoh bayar balik, (ii) aliran tunai terdiskaun (nilai kini bersih sahaja dengan andaian penerimaan dan pembayaran tunai di akhir tempoh);

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
11.4 Penentuan harga	6	<p>(c) menjelaskan faktor kualitatif yang perlu dipertimbangkan untuk membuat keputusan;</p> <p>(d) memerihalkan kebaikan dan kelemahan kaedah tempoh bayar balik dengan kaedah nilai kini bersih;</p> <p>(e) menyediakan rumusan kepada pihak pengurusan tentang hasil analisis kualitatif dan kuantitatif.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mentakrifkan penentuan harga;</p> <p>(b) menjelaskan asas penentuan harga (asas kos, pasaran, dan asas ekonomi) dan faktor yang mempengaruhi penentuan harga (kos, persaingan, pelanggan, undang-undang, dasar kerajaan, keadaan ekonomi dan lain-lain);</p> <p>(Penghitungan peratusan tokokan tidak diperlukan.)</p> <p>(c) menentukan harga pesanan khas berasaskan kos;</p> <p>(d) menentukan harga jualan mengikut kaedah tokok kos dengan menggunakan pendekatan yang berikut:</p> <p>(i) pendekatan serapan,</p> <p>(ii) pendekatan marginal</p> <p>(harga jualan = kos + (% tokokan × kos))</p> <p>(Kos dalam persamaan merujuk kepada jumlah kos atau jumlah kos perkilangan bagi pendekatan serapan dan merujuk kepada jumlah kos berubah atau jumlah kos berubah perkilangan bagi pendekatan marginal.);</p> <p>(e) menentukan harga jualan mengikut kaedah harga sasaran;</p> <p>(harga sasaran = kos sasaran + untung sasaran)</p> <p>(f) menyediakan rumusan kepada pihak pengurusan bagi tujuan perancangan, mengawal, menilai prestasi, dan membuat keputusan.</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
12 Pengekosan Piawai	20	
12.1 Pengenalan kepada pengekosan piawai	2	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mentakrifkan pengekosan piawai dan menjelaskan kaitannya dengan sistem pengekosan sebenar dan sistem pengekosan normal; (b) memerihalkan kepentingan pengekosan piawai dalam penentuan kos produk, penentuan harga, perancangan, pengukuran prestasi, dan kawalan; (c) memerihalkan proses penyediaan kos piawai dengan mengambil kira masa, kaedah (kos sejarah, kajian kejuruteraan, dan ramalan pengurusan), dan semakan semula (mengambil kira perubahan dalam persekitaran); (d) menjelaskan jenis kos piawai, iaitu piawai unggul dan piawai praktikal; (e) menyediakan lembaran kos piawai.
12.2 Analisis varians	18	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mentakrifkan varians dan analisis varians; (b) memerihalkan kepentingan analisis varians; (c) menjelaskan jenis varians, iaitu varians bahan langsung, varians buruh langsung, dan varians overhead; (d) menganalisis varians yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> (i) varians bahan langsung, iaitu varians harga dan varians penggunaan (variens harga berasaskan kuantiti belian), (ii) varians buruh langsung, iaitu varians kadar dan varians kecekapan (variens masa terbiar tidak diperlukan), (iii) varians overhead berubah, iaitu varians perbelanjaan dan varians kecekapan, (iv) varians overhead tetap, iaitu varians perbelanjaan dan varians volum (variens kecekapan dan varians kapasiti tidak diperlukan); <p>(Varians campuran dan varians hasil (<i>yield variance</i>) tidak diperlukan.) (Rujuk rumus perakaunan yang dilampirkan pada halaman 37 dan 38.)</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
		<p>(e) merekodkan varians dalam jurnal dan lejar;</p> <p>(f) menjelaskan implikasi analisis varians dengan menentukan sebab wujudnya varians dan pihak yang bertanggungjawab dan mencadangkan tindakan susulan pengurusan seperti menyiasat, menyemak semula piawai, memberikan ganjaran, dan mengenakan penalti;</p> <p>(g) menyatakan nilai etika yang perlu diterap dalam analisis varians;</p> <p>(h) menyediakan laporan pengekosan piawai, laporan analisis varians, laporan prestasi, dan cadangan tindakan kepada pihak pengurusan bagi tujuan merancang, mengawal, menilai prestasi, dan membuat keputusan.</p>

PENGGAL 3: PENGAPLIKASIAN PERAKAUNAN

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
13 Sistem Perakaunan Berkomputer	30	
13.1 Pengenalan kepada sistem perakaunan berkomputer (SPB)	4	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) menjelaskan maksud SPB; (b) menyatakan kesan perkembangan teknologi maklumat terhadap SPB; (c) menyatakan komponen SPB, iaitu perkakasan, perisian, dan manusia; (d) memerihalkan SPB dari segi: <ul style="list-style-type: none"> (i) bahagian serta fungsinya seperti kemasukan data, pemprosesan, penyimpanan, dan sokongan teknikal, (ii) input, proses, dan output; (e) menjelaskan kepentingan kawalan dalaman dalam SPB.
13.2 Aplikasi perisian perakaunan	26	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) menetapkan <ul style="list-style-type: none"> (i) nama dan alamat syarikat, (ii) tempoh perakaunan, (iii) tempoh mula penggunaan sistem; (b) menjelaskan kepentingan carta akaun (pengekodan); (c) membina carta akaun; (d) merekodkan baki awal; (e) merekodkan transaksi; (f) menyediakan laporan; <ul style="list-style-type: none"> (i) imbalan duga, (ii) penyata pendapatan, kunci kira-kira, penyata aliran tunai, (iii) penyata analisis usia akaun belum terima/akaun belum bayar, (iv) senarai buku akaun dan lejar am, (v) penyata penyesuaian bank;

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
<p>14 Belanjawan</p> <p>14.1 Pengenalan kepada belanjawan</p>	<p>30</p> <p>2</p>	<p>(g) membuat penutupan dan pelarasan akaun dalam situasi berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) setiap akhir bulan dan hujung tahun, (ii) penghapusan transaksi yang tidak dikehendaki, (iii) pemulihan data sekiranya berlaku apa-apa permasalahan – ketiadaan elektrik dan sebagainya. <p>Calon seharusnya dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mentakrifkan belanjawan; (b) membezakan jenis belanjawan berasaskan fungsi (operasi dan kewangan), tempoh masa, dan pendekatan (statik dan fleksibel); (c) memerihalkan objektif belanjawan, iaitu untuk perancangan, kawalan, pembuatan keputusan, koordinasi, komunikasi, motivasi, dan penilaian prestasi; (d) menyatakan faktor yang perlu dipertimbangkan dalam menyediakan belanjawan seperti yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> (i) tempoh belanjawan (bergantung kepada tujuan belanjawan), (ii) pihak yang terlibat, (iii) kaedah penyediaan belanjawan (belanjawan lini, belanjawan asas sifar, belanjawan berterusan, dan belanjawan pertambahan), (iv) aspek kelakuan dalam belanjawan (kelakuan individu dan jabatan-jabatan dalam organisasi), (v) rangsangan luar (dasar kerajaan, faktor ekonomi, persaingan, cita rasa pelanggan, dan perkembangan teknologi);

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
14.2 Belanjawan induk	20	<p>(e) memerihalkan langkah penyediaan belanjawan yang terlibat seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) penetapan objektif, (ii) pembentukan jawatankuasa, (iii) pengumpulan data, (iv) mengenal pasti faktor-faktor halangan, (v) penyediaan belanjawan, (vi) komunikasi belanjawan, (vii) pelaksanaan belanjawan. <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menjelaskan hubungan kait komponen belanjawan yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) belanjawan operasi yang meliputi jualan, pengeluaran, penggunaan bahan, belian bahan, buruh langsung, overhead kilang, belanja jualan dan pentadbiran, dan tingkat inventori (bahan, kerja dalam proses, dan barang siap), (ii) belanjawan kewangan yang meliputi tunai dan penyata pro forma (penyata perkilangan, penyata pendapatan, kunci kira-kira, dan penyata aliran tunai), dan belanjawan modal (rujuk subtajuk 11.3); <p>(b) menyediakan belanjawan induk yang merangkumi semua komponen belanjawan di atas.</p>
14.3 Belanjawan fleksibel	8	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mentakrifkan belanjawan fleksibel; (b) memerihalkan kepentingan belanjawan fleksibel; (c) membandingkan belanjawan statik dengan belanjawan fleksibel; (d) menyediakan belanjawan fleksibel dengan mengasingkan kos tetap dan kos berubah (kaedah tinggi rendah);

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
15 Perkongsian	20	<p>(e) menyediakan laporan prestasi dengan menunjukkan perbezaan antara angka sebenar dengan angka yang dibelanjawankan dalam belanjawan statik dan fleksibel;</p> <p>(f) menyediakan rumusan dalam bentuk laporan belanjawan, laporan prestasi belanjawan, dan cadangan kepada pihak pengurusan bagi tujuan merancang, mengawal, menilai prestasi, dan membuat keputusan.</p> <p>(Rujuk Akta Perkongsian 1961)</p>
15.1 Pengenalan kepada perkongsian	1	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mentakrifkan perkongsian;</p> <p>(b) membandingkan perkongsian dengan pemilikan perniagaan yang lain dari segi perundangan, peraturan, liabiliti, modal, dan kaedah pengurusan;</p> <p>(c) menjelaskan kepentingan perjanjian perkongsian.</p>
15.2 Penyediaan akaun	1	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menyediakan akaun modal dan akaun semasa pekongsi (kaedah modal tetap dan modal berubah).</p>
15.3 Penyediaan penyata kewangan	6	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menyediakan penyata pendapatan perkongsian;</p> <p>(b) menyediakan akaun pengasingan untung rugi dengan mengambil kira faedah atas ambilan, faedah atas modal, gaji pekongsi, dan pembahagian untung rugi;</p> <p>(c) menyediakan kunci kira-kira.</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
15.4 Perubahan dalam perkongsian	8	Calon seharusnya dapat:
15.4.1 Kemasukan pekongsi baru		<ul style="list-style-type: none"> (a) menjelaskan cara kemasukan pekongsi baharu, iaitu melalui caruman modal dan pembelian kepentingan (caruman modal boleh dalam bentuk tunai dan aset bersih lain); (b) merekodkan penilaian semula aset ketika kemasukan pekongsi baharu dalam jurnal dan lejar; (c) menghitung muhibah dengan menggunakan kaedah untung purata dan kaedah perbezaan harga belian dengan aset bersih; (d) merekodkan muhibah (akaun muhibah dikekalkan dan tidak dikekalkan).
15.4.2 Persaraan pekongsi		<ul style="list-style-type: none"> (e) merekodkan penilaian semula aset ketika persaraan pekongsi; (f) menghitung muhibah dengan menggunakan kaedah untung purata dan kaedah perbezaan harga belian dengan aset bersih; (g) merekodkan muhibah (akaun muhibah dikekalkan dan tidak dikekalkan); (h) merekodkan penyelesaian kepentingan pekongsi yang bersara.
15.5 Pembubaran perkongsian	4	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) merekodkan pembubaran perkongsian dalam jurnal dan lejar; (b) merekodkan penyelesaian melalui bayar balik modal pekongsi sekali gus (tidak termasuk peraturan Garner lawan Murray).
16 Syarikat Berhad	12	(Rujuk Akta Syarikat 1965)
16.1 Pengenalan kepada syarikat berhad	1	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mentakrifkan syarikat berhad; (b) membandingkan syarikat berhad dengan pemilikan perniagaan yang lain dari segi perundangan, peraturan, liabiliti, modal, dan kaedah pengurusan;

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
16.2 Struktur modal saham	1	<p>(c) membandingkan syarikat awam berhad dengan syarikat sendirian berhad;</p> <p>(d) menjelaskan secara ringkas proses penubuhan syarikat;</p> <p>(e) memerihalkan memorandum penubuhan, tata urus penubuhan, dan prospektus.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mentakrifkan modal dibenarkan, modal diterbitkan, modal berbayar, modal belum panggil, dan modal tertunggak bagi saham biasa dan saham keutamaan;</p> <p>(b) mentakrifkan saham biasa (rujuk seksyen 55 Akta Syarikat 1965);</p> <p>(c) mentakrifkan saham keutamaan berasaskan ciri penyertaan dan bukan penyertaan, boleh tebus dan tak boleh tebus, boleh tukar dan tak boleh tukar, dan terkumpul dan tak terkumpul (rujuk seksyen 66 Akta Syarikat 1965).</p>
16.3 Terbitan saham	4	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) merekodkan terbitan saham pada par, premium, dan diskaun ((bayaran penuh sahaja dan secara tunai) (rujuk seksyen 60 Akta Syarikat 1965));</p> <p>(b) merekodkan terbitan bonus dan terbitan hak;</p> <p>(c) menjelaskan kegunaan premium saham (rujuk seksyen 60 Akta Syarikat 1965).</p>
16.4 Rizab	2	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mentakrifkan rizab hasil dan rizab modal;</p> <p>(b) mengenal pasti komponen rizab hasil (pendapatan tertahan dan rizab am) dan rizab modal (premium saham, rizab penilaian semula, dan rizab penebusan modal sahaja);</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
16.5 Penyediaan penyata kewangan	4	<p>(c) menjelaskan kegunaan rizab hasil (dividen tunai, dividen saham, penebusan saham, dan terbitan saham bonus sahaja) dan rizab modal (terbitan saham bonus dan premium penebusan saham sahaja);</p> <p>(d) merekodkan urus niaga berkaitan rizab hasil dan rizab modal.</p> <p>(a) menyediakan penyata pendapatan, kunci kira-kira, dan penyata perubahan ekuiti (rujuk piawai perakaunan semasa dan Jadual 9 Akta Syarikat 1965) tetapi tidak termasuk nota kepada akaun.</p>
17 Analisis dan Tafsiran Penyata Kewangan	12	
17.1 Pengenalan kepada analisis dan tafsiran penyata kewangan	2	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) memerihalkan kandungan laporan tahunan diterbitkan yang terdiri daripada penyata kewangan serta nota kepada akaun, penyata bukan kewangan, dan maklumat tambahan lain;</p> <p>(b) menjelaskan istilah pendekatan analisis kewangan seperti analisis fundamental dan teknikal, kuantitatif dan kualitatif, dan menegak dan mendatar.</p>
17.2 Penghitungan dan pentafsiran nisbah	10	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menghitung nisbah yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) nisbah kecairan, iaitu nisbah semasa dan nisbah cepat, (ii) nisbah keumpilan/penggaraan, iaitu nisbah hutang atas ekuiti dan nisbah hutang atas aset, (iii) nisbah aktiviti, iaitu pusing ganti inventori dan pusing ganti belum terima,

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
		<p>(iv) nisbah keberuntungan, iaitu untung kasar atas jualan, untung bersih atas jualan, dan pulangan atas aset (ROA),</p> <p>(v) nisbah pulangan pelaburan, iaitu perolehan sesaham (EPS), nisbah harga perolehan (P/E), kadar hasil dividen (DY), dan nisbah bayar keluar dividen;</p> <p>(rujuk rumus perakaunan yang dilampirkan pada halaman 37 dan 38.)</p> <p>(b) mentafsirkan nisbah kewangan;</p> <p>(c) menjelaskan batasan penggunaan analisis kewangan seperti berasaskan data sejarah, faktor kualitatif, kepelbagaian perniagaan, penggunaan kaedah perakaunan yang berbeza, dan kesan inflasi.</p>
18 Penyata Aliran Tunai	16	(Rujuk piawai perakaunan semasa)
18.1 Pengenalan kepada penyata aliran tunai	4	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) memerihalkan penyata aliran tunai;</p> <p>(b) menjelaskan kegunaan penyata aliran tunai;</p> <p>(c) mengenal pasti item tunai dan kesetaraan tunai;</p> <p>(d) mengelaskan item aliran tunai kepada aktiviti operasi, aktiviti pelaburan, dan aktiviti pembiayaan.</p>
18.2 Penyediaan penyata aliran tunai	12	(a) menyediakan penyata aliran tunai dengan menggunakan kaedah langsung sahaja.

Kerja Kursus (Tugasan Amali)

Objektif kerja kursus adalah untuk membolehkan calon mengaplikasikan kemahiran berkomputer melalui penggunaan perisian perakaunan dan membolehkan kemahiran insaniah (*soft skills*) calon dinilai secara langsung.

Pentaksiran berasaskan sekolah bagi kerja kursus dijalankan dalam penggal 3 pengajian tingkatan enam bagi calon sekolah kerajaan sahaja.

Majlis Peperiksaan Malaysia akan menentukan dua tugasan kerja kursus yang wajib dijalankan oleh calon dan dinilai oleh guru mata pelajaran di sekolah. Calon dikehendaki menjalankan kedua-dua tugasan secara bersendirian seperti yang ditetapkan. Butiran tentang tugasan boleh dimuat turun dari Portal MPM (<http://www.mpm.edu.my>) pada penggal 3 pengajian tingkatan enam.

Bagi tugasan Sistem Perakaunan Berkomputer, kemahiran insaniah dan hasil kerja calon yang menggunakan perisian perakaunan yang berada dalam pasaran dalam bentuk cetakan akan ditaksir dan proses penyediaan hasil kerja adalah berasaskan perkara yang berikut:

- (a) Pengenalan perniagaan,
- (b) Pengekoden akaun,
- (c) Kelompok urus niaga,
- (d) Akaun lejar,
- (e) Imbangan duga,
- (f) Penyata Pendapatan,
- (g) Kunci kira-kira,
- (h) Lampiran contoh dokumen.

Bagi tugasan Belanjawan, kemahiran insaniah dan hasil kerja calon yang menggunakan perisian lembaran kerja dan pemprosesan perkataan seperti *MS Excel* dan *MS Word* dalam bentuk cetakan akan ditaksir dan proses penyediaan hasil kerja adalah berasaskan perkara yang berikut:

- (a) Pengenalan perniagaan,
- (b) Belanjawan jualan,
- (c) Belanjawan pengeluaran,
- (d) Penggunaan bahan,
- (e) Belanjawan belian bahan,
- (f) Belanjawan buruh langsung,
- (g) Belanjawan overhead kilang,
- (h) Belanjawan inventori,
- (i) Belanjawan belanja jualan dan pentadbiran,
- (j) Belanjawan tunai,
- (k) Penyata perkilangan pro forma,
- (l) Penyata pendapatan pro forma,
- (m) Kunci kira-kira pro forma.

Ujian Kerja Kursus Bertulis

Calon yang berikut dikehendaki untuk mendaftar kertas ini:

- (a) calon persendirian individu,
- (b) calon sekolah swasta,
- (c) calon yang mengulang tingkatan enam atas (sama ada di sekolah kerajaan atau sekolah swasta),
- (d) calon yang **tidak** mengikuti kelas tingkatan enam bawah dan tingkatan enam atas dua tahun berturut-turut (sama ada di sekolah kerajaan atau sekolah swasta),
- (e) calon yang mengambil mata pelajaran Perakaunan di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah.

Dua soalan masing-masing tentang sistem Perakaunan Berkomputer dan Belanjawan akan dikemukakan. Soalan pertama adalah untuk menguji pengetahuan dan pemahaman calon memerihalkan, menjelaskan, membuat penghitungan ringkas menggunakan pakej perisian perakaunan serta proses, dan cara bagaimana perekodan perakaunan dibuat dengan menggunakan pakej perakaunan itu. Soalan kedua pula menguji pengetahuan dan pemahaman calon tentang penyediaan belanjawan berdasarkan kepada kajian kes yang diberikan.

Skim Pentaksiran

<i>Penggal Pengajian</i>	<i>Kod dan Nama Kertas</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Jenis Ujian</i>	<i>Markah (Wajaran)</i>	<i>Masa</i>	<i>Pentadbiran</i>
Penggal 1	948/1 Perakaunan Kertas 1	Perakaunan Kewangan	Ujian Bertulis 4 soalan perlu dijawab daripada 5 soalan esei berdasarkan tajuk 1 hingga tajuk 6.	80 (33.3%)	2 jam	Pentaksiran berpusat
Penggal 2	948/2 Perakaunan Kertas 2	Perakaunan Pengurusan	Ujian Bertulis 4 soalan perlu dijawab daripada 5 soalan esei berdasarkan tajuk 7 hingga tajuk 12.	80 (33.3%)	2 jam	Pentaksiran berpusat
Penggal 3	948/3 Perakaunan Kertas 3	Pengaplikasian Perakaunan	Ujian Bertulis 2 soalan perlu dijawab daripada 3 soalan esei berdasarkan tajuk 14.1, 14.3, 15 hingga 18.	40 (16.7%)	1 jam	Pentaksiran berpusat
	948/4 Perakaunan Kertas 4	Pengaplikasian Perakaunan	Kerja Kursus 2 tugas yang perlu dijawab berdasarkan: (i) tajuk 13 dan (ii) tajuk 14.2.	120 diskalakan kepada 40 (16.7%) 80 40	Penggal 3	Pentaksiran berdasarkan sekolah
	948/5 Perakaunan Kertas 5	Pengaplikasian Perakaunan	Ujian Kerja Kursus Bertulis 2 soalan esei berdasarkan tajuk 13 dan tajuk 14.2 perlu dijawab.	50 diskalakan kepada 40 (16.7%)	1¼ jam	Pentaksiran berpusat

Glosari

1. FRS – *Financial Reporting Standards*
2. IAS – *International Accounting Standards*
3. IFRS – *International Financial Reporting Standards*
4. KWSP – Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
5. MAS – *Malaysian Accounting Standards*
6. MASB – *Malaysian Accounting Standards Board*
7. MACPA – *Malaysian Association of Certified Public Accountants*
8. MICPA – *Malaysian Institute of Certified Public Accountants*
9. MIA – *Malaysian Institute of Accountants*
10. PERKESO – Pertubuhan Keselamatan Sosial
11. SSAP – *Statements of Standard Accounting Principles*

Rumus Perakaunan

Yang berikut ialah rumus yang dicadangkan untuk tujuan peperiksaan STPM.

1. Analisis nisbah

(a) Nisbah kecairan

$$(i) \text{ Nisbah semasa atau modal kerja} = \frac{\text{Aset semasa}}{\text{Liabiliti semasa}}$$

$$(ii) \text{ Nisbah cepat atau ujian asid} = \frac{\text{Aset semasa} - \text{Inventori} - \text{Belanja bayar dahulu}}{\text{Liabiliti semasa}}$$

(b) Nisbah keumpilan atau nisbah penggearingan

$$(i) \text{ Nisbah hutang atas aset} = \frac{\text{Jumlah liabiliti}}{\text{Jumlah aset}}$$

$$(ii) \text{ Nisbah hutang atas ekuiti} = \frac{\text{Jumlah liabiliti}}{\text{Saham keutamaan} + \text{Saham biasa} + \text{Rizab}}$$

(c) Nisbah aktiviti

$$(i) \text{ Pusing ganti inventori} = \frac{\text{Kos jualan}}{\text{Inventori purata}} \text{ (jawapan dalam kali)}$$

$$(ii) \text{ Pusing ganti belum terima} = \frac{\text{Jualan kredit}}{\text{Akuan belum terima purata}} \text{ (jawapan dalam kali)}$$

(d) Nisbah keberuntungan (dalam %)

$$(i) \text{ Margin untung kasar atas jualan} = \frac{\text{Untung kasar}}{\text{Jualan}} \times 100$$

$$(ii) \text{ Margin untung bersih atas jualan} = \frac{\text{Untung bersih sebelum cukai}}{\text{Jualan}} \times 100$$

$$(iii) \text{ Pulangan atas aset} = \frac{\text{Untung bersih selepas cukai}}{\text{Aset purata}} \times 100$$

(e) Nisbah pulangan pelaburan

$$(i) \text{ Nisbah perolehan sesaham} = \frac{\text{Untung bersih selepas cukai} - \text{Dividen saham keutamaan}}{\text{Bilangan purata saham biasa diterbitkan}}$$

$$(ii) \text{ Nisbah harga/perolehan} = \frac{\text{Harga pasaran saham}}{\text{Perolehan sesaham}} \text{ (jawapan dalam kali)}$$

$$(iii) \text{ Kadar hasil dividen} = \frac{\text{Dividen sesaham}}{\text{Harga pasaran sesaham}} \times 100$$

$$(iv) \text{ Nisbah bayar keluar dividen} = \frac{\text{Dividen tunai}}{\text{Untung bersih selepas cukai}}$$

2. Kuantiti pesanan ekonomi

(i) Kuantiti pesanan ekonomi = $\sqrt{\frac{2GP}{S}}$

G = Jumlah permintaan atau penggunaan setahun

P = Kos memesan dan menerima setiap pesanan

S = Kos penyimpanan satu unit bahan setahun

(ii) Titik pesanan semula = Penggunaan maksimum \times Tempoh menunggu maksimum

3. Analisis Varians

- (i) Varians bahan langsung = Varians harga + Varians penggunaan
- (ii) Varians harga bahan langsung = (Harga piawai – Harga sebenar) \times Kuantiti sebenar
- (iii) Varians penggunaan atau varians kuantiti bahan langsung = (Kuantiti piawai – Kuantiti sebenar) \times Harga piawai
- (iv) Varians buruh langsung = Varians kadar + Varians kecekapan
- (v) Varians kadar buruh langsung = (Kadar piawai – Kadar sebenar) \times Jam sebenar
- (vi) Varians kecekapan buruh langsung = (Jam piawai – Jam sebenar) \times Kadar piawai
- (vii) Varians overhead berubah = Varians perbelanjaan overhead berubah + Varians kecekapan overhead berubah
- (viii) Varians perbelanjaan overhead berubah = (Kadar serapan overhead berubah \times Jam sebenar) – Kos overhead berubah sebenar
- (ix) Varians kecekapan overhead berubah = (Jam piawai – Jam sebenar) \times Kadar serapan overhead berubah
- (x) Varians overhead tetap = Varians perbelanjaan overhead tetap + Varians volum overhead tetap
- (xi) Varians perbelanjaan overhead tetap = Kos overhead tetap dibelanjawankan – Kos overhead tetap sebenar
- (xii) Varians volum overhead tetap = (Kadar serapan overhead tetap \times Jam piawai) – Kos overhead tetap dibelanjawankan

Senarai Rujukan

Guru atau calon boleh menggunakan buku yang ditulis khas untuk peperiksaan STPM dan buku rujukan yang lain seperti yang disenaraikan di bawah:

1. *Akta Koperasi 1993*
2. *Akta Syarikat (Pindaan), 1965 (Akta 125)*
3. *Akta Perkongsian 1961 (Akta 135)*
4. *Financial Reporting Standards (2005)*
5. Aini, A., Azmi, H., dan Kamarul Baraini, K., 2001. *Sistem Perakaunan & Kawalan*. Kuala Lumpur: Prentice Hall.
6. Che Zuriana, M.J. dan Kamarulzaman, B., 2001. *Asas Perakaunan Pengurusan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
7. Garrison, R.H., Noreen dan E.W., 2007. *Managerial Accounting*. Edisi ke-12. New York: Mc Graw Hill.
8. Prabir, D., 2003. *Perakaunan Kos*. Edisi ke-2. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.
9. Shaari, I., 2004. *Accounting Principles*. Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn Bhd.
10. Shamsul Nahar, A., 2000. *Perakaunan Pengurusan*. Penerbit UUM: Sintok.
11. Wan Madznah, W.I., Azizah, D., dan Kamarul Baraini, K., 2004. *Perakaunan Pengurusan*. Edisi ke-2. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.
12. Wan Madznah, W.I., Zaleha, A.S., 2004. *Perakaunan Kewangan*. Edisi ke-2. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.
13. Wan Madznah, W.I., 2007. *Prinsip Perakaunan*, Oxford Fajar: Shah Alam.
14. Weygandt, J.J., Kieso, D.E., dan Kimmel, P.D., 2007. *Accounting Principles*. Edisi ke-8. Singapura: John Wiley & Sons (Asia) Pte. Ltd.

KERTAS SOALAN CONTOH

948/1

STPM

PERAKAUNAN

KERTAS 1

(Dua jam)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab mana-mana empat soalan.

Semua kerja penghitungan hendaklah ditunjukkan dengan jelas.

Pencukaian hendaklah diabaikan dalam semua soalan, kecuali yang sebaliknya dinyatakan.

Markah untuk bahagian soalan diberikan dalam tanda kurung [].

Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak dan halaman kosong.

© Majlis Peperiksaan Malaysia

STPM 948/1

1 (a) Jelaskan **empat** konsep etika dalam profesion perakaunan. [6 markah]

(b) Nyatakan **dua** urus niaga yang memberikan kesan terhadap aset, liabiliti, atau ekuiti yang tidak melibatkan aliran tunai. [2 markah]

(c) Nyatakan sama ada prinsip perakaunan dipatuhi atau tidak bagi setiap situasi di bawah dan huraikan prinsip berkenaan.

(i) Pengurus Syarikat Maju Berhad mengarahkan akauntan merekodkan nilai tanah RM100,000.00 mengikut nilai pasaran. Kos asal tanah ialah RM50,000.00 dan lebih daripada penilaian semula dinyatakan sebagai keuntungan tahun semasa.

(ii) Pihak pengurusan Syarikat Amal Berhad membuat keputusan menukar penggunaan kaedah penentuan susut nilai kepada kaedah baki berkurangan pada tahun semasa selepas dua tahun mengamalkan kaedah garis lurus.

(iii) Isteri pemilik Kedai Runcit Desa menggunakan wang perniagaan untuk membeli komputer bagi kegunaan anaknya.

[6 markah]

(d) Pada 1 September 2011, Dusun Sdn. Bhd. telah membeli sebuah jentera daripada seorang pembekal jentera dan menandatangani satu nota belum bayar berjumlah RM100,000.00 dengan kadar faedah 6% setahun. Nota belum bayar ini akan matang dalam masa 6 bulan dan faedah dibayar pada tarikh matang. Jentera dijangka dapat digunakan selama 5 tahun tanpa nilai sisa. Kaedah susut nilai yang digunakan ialah kaedah garis lurus. Tahun kewangan Dusun Sdn. Bhd. berakhir pada 31 Disember.

Dikehendaki:

(i) Sediakan cacatan jurnal pada tarikh nota belum bayar ditandatangani. [1 markah]

(ii) Sediakan catatan jurnal pelarasan pada 31 Disember 2008. [2 markah]

(iii) Sediakan catatan jurnal pada tarikh matang nota belum bayar. [3 markah]

- 2 (a) Huraikan **tiga** titik pengiktirafan hasil. Berikan contoh bagi setiap satu. [6 markah]
- (b) Nyatakan **dua** perbezaan antara perbelanjaan modal dengan perbelanjaan hasil. [2 markah]
- (c) Maklumat kewangan bagi Syarikat Puteri Mahkota Berhad adalah seperti yang berikut.

Syarikat Puteri Mahkota Berhad
Penyata Pendapatan
bagi tahun berakhir 31 Disember

	2010	2009
	RM	RM
Jualan	1,950,000	1,560,000
Kos barang dijual	(1,245,000)	(1,062,000)
Untung kasar	705,000	498 000
Belanja jualan dan pentadbiran	(452,400)	(344,400)
Belanja faedah	(21,600)	(18,000)
Untung bersih sebelum cukai	231,000	135,600
Cukai pendapatan	(54,000)	(42,000)
Untung bersih selepas cukai	177,000	93,600

Syarikat Puteri Mahkota Berhad
Kunci Kira-kira pada 31 Disember

	2010	2009
	RM	RM
Aset tetap:		
Loji dan peralatan (bersih)	1,403,000	1,149,000
Aset semasa:		
Tunai	41,000	54,000
Sekuriti boleh pasar	54,000	45,000
Akaun belum terima (bersih)	276,000	222,000
Inventori	252,000	210,000
	623,000	531,000
Liabiliti semasa:		
Akaun belum bayar	112,000	330,000
Cukai belum bayar	69,000	60,000
	181,000	390,000
Aset semasa bersih	442,000	141,000
	1,845,000	1,290,000
Dibiayai oleh:		
Saham biasa	450,000	450,000
Pendapatan tertahan	777,000	600,000
Bon belum bayar	618,000	240,000
	1,845,000	1,290,000

Maklumat tambahan

- (1) Semua jualan adalah secara kredit.
- (2) Inventori pada 31 Disember 2008 ialah RM180,000.
- (3) Jumlah aset pada 31 Disember 2008 ialah RM1,440,000.

Dikehendaki:

Hitung setiap yang berikut bagi Syarikat Puteri Mahkota Berhad bagi tahun 2010 dan tahun 2009. Berikan ulasan bagi setiap perubahan nisbah yang dihitung.

- | | |
|-------------------------------------|------------|
| (i) Nisbah semasa | [3 markah] |
| (ii) Pusing ganti inventori | [3 markah] |
| (iii) Nisbah hutang atas ekuiti | [3 markah] |
| (iv) Nisbah untung bersih atas aset | [3 markah] |

3 (a) Syarikat Bunga Raya Sdn. Bhd. merupakan syarikat yang menjual peralatan komputer. Syarikat menggunakan sistem inventori secara berterusan. Yang berikut ialah urus niaga belian dan jualan inventori syarikat dalam tahun 2010.

<i>Tarikh</i>	<i>Urus niaga</i>		<i>Baki (unit)</i>
	<i>Belian</i>	<i>Jualan</i>	
1 Januari (inventori awal)			200
1 Februari		100 unit @ RM150	100
15 Mac	400 unit @ RM90		500
30 Jun	200 unit @ RM85		700
30 Julai		400 unit @ RM120	300
20 September	600 unit @ RM70		900
30 Disember	300 unit @ RM50		1200
31 Disember		700 unit @ RM100	500

Kos inventori awal ialah RM100 seunit.

Belanja operasi syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 ialah RM20,000.

Dikehendaki:

- (i) Hitung inventori akhir dan kos barang dijual dengan menggunakan kaedah Masuk Dulu Keluar Dulu (MDKD) dan Masuk Kemudian Keluar Dulu (MKKD). [7 markah]
- (ii) Sediakan penyata pendapatan bagi kedua-dua kaedah tersebut. [4 markah]

(b) Nyatakan kelemahan kawalan dalaman bagi setiap situasi di bawah yang berkaitan dengan operasi Syarikat Madu Asli Berhad dan cadangkan langkah untuk memperbaiki kelemahan tersebut.

- (i) Setiap pekerja baharu akan ditemuduga oleh penyelia kilang. Pemohon yang berjaya dalam temuduga akan mengisi borang maklumat peribadi. Borang yang sama akan digunakan oleh penyelia untuk menulis kadar upah sejam pekerja baharu untuk diserahkan kepada kerani Jabatan Gaji.
- (ii) Tempoh percubaan bagi pekerja baharu ialah sebulan. Setelah tempoh percubaan tamat dan penyelia berpuas hati dengan prestasi pekerja berkenaan, penyelia akan menasihati Jabatan Gaji secara lisan tentang kadar perubahan gaji pekerja.
- (iii) Kehadiran pekerja kilang direkodkan dengan menggunakan kad masa. Pekerja perlu mengisi nama dan mencatat masa masuk dan masa keluar setiap hari. Kad masa yang kosong biasanya diletakkan di pondok pengawal kilang dan perlu diambil pada setiap pagi Isnin. Pada hujung minggu, pekerja perlu menyerahkan semula kad masa kepada pengawal yang bertugas.
- (iv) Kerani yang bertanggung jawab menyediakan gaji telah bekerja selama 20 tahun di syarikat tersebut. Beliau bertanggung jawab menghitung gaji kasar, potongan, dan gaji bersih pekerja kilang berasaskan kad masa yang diambilnya dari pondok pengawal. Beliau juga mencatat butiran gaji dalam rekod pendapatan pekerja dan menyediakan cek gaji.
- (v) Hanya akauntan syarikat sahaja yang menandatangani cek gaji. Beliau menyerahkan cek yang telah ditandatangani kepada penyelia kilang untuk diagihkan kepada pekerja. Sekiranya pekerja tidak hadir, cek tersebut diserahkan kepada kerani gaji untuk dituntut kemudian.

(vi) Syarikat membuka satu akaun semasa di bank, khas bagi tujuan pembayaran gaji. Akauntan menyediakan penyata penyesuaian bank setiap bulan. Sepanjang lima tahun beliau bertugas di Syarikat Madu Asli Berhad, beliau belum pernah menemui cek gaji yang tidak dituntut dan beliau berpuas hati dengan prosedur gaji dan upah syarikat yang sedia ada.

[9 markah]

4 (a) Jelaskan **dua** perbezaan antara kunci kira-kira koperasi dengan kunci kira-kira milikan tunggal. [4 markah]

(b) Imbangan duga pada 30 Jun 2011 bagi Koperasi Permai Berhad yang diperoleh daripada buku akaunnya adalah seperti yang berikut:

Akaun	Debit RM	Kredit RM
Modal saham		250,000
Jualan		140,000
Belanja sewa	4,000	
Bank	98,590	
Pelaburan jangka panjang	108,000	
Aset tetap	200,000	
Peruntukan susut nilai aset tetap		21,000
Yuran audit	1,000	
Hutang lapuk	600	
Zakat	3,200	
Dividen diterima		4,200
Liabiliti semasa lain		8,340
Faedah pinjaman	400	
Belian	32,000	
Pendapatan lain		9,500
Pendapatan tertahan		36,500
Pinjaman		8,000
Komisen diberi	1,460	
Elaun ahli lembaga koperasi	3,180	
Belanja mesyuarat agung	2,720	
Penghutang	32,500	
Kumpulan Wang Kebajikan Am Ahli		22,100
Yuran masuk		1,600
Simpanan tetap	22,500	
Kumpulan Wang Rizab Berkanun		45,000
Derma	1,900	
Belanja pentadbiran pejabat	4,160	
Belanja jualan dan agihan	6,600	
Peruntukan hutang ragu		3,170
Belanja kursus	4,300	
Inventori	22,300	
Jumlah	549,410	549,410

Maklumat tambahan

- (1) Inventori pada 30 Jun 2011 ialah RM18,000.
- (2) Aset tetap disusut nilai pada kadar 20% setahun.
- (3) Sebanyak 80% daripada jumlah jualan ialah jualan kepada ahli. Rebat 5% atas jualan diperuntukkan kepada ahli.
- (4) 500 orang ahli telah menghadiri mesyuarat agung tahunan dan diberi elaun kehadiran sebanyak RM25 seorang.
- (5) Sumbangan kepada Kumpulan Wang Kebajikan Am Ahli ialah 10%.

(6) Sumbangan kepada Kumpulan Wang Rizab Berkanun, Kumpulan Wang Pendidikan Koperasi, dan Kumpulan Wang Pembangunan Koperasi masing-masing ialah 12%, 2%, dan 1%.

(7) Honorarium pengarah dicadangkan pada kadar 10% dan dividen dicadangkan pada kadar 4% atas modal saham.

Dikehendaki:

- (i) Sediakan penyata pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2011. [6 *markah*]
- (ii) Sediakan penyata pembahagian untung rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2011. [3 *markah*]
- (iii) Sediakan kunci kira-kira pada 30 Jun 2011. [7 *markah*]

5 Suatu kebakaran telah berlaku di kedai runcit Encik Din pada 1 Februari 2011. Sebahagian besar daripada inventornya telah musnah dalam kebakaran itu. Walau bagaimanapun, rekod yang berikut bagi tahun yang berakhir pada 31 Disember 2010 dapat diselamatkan.

Akaun	Amaun RM
Perabot (nilai buku)	3,500
Inventori	20,450
Akaun belum terima	8,450
Modal Encik Din	25,000
Akaun belum bayar	10,250
Gaji terakru	850

Ringkasan penyata bank bagi bulan Januari 2011 adalah seperti yang berikut:

Tarikh	Butiran	Debit (RM)	Kredit (RM)	Baki (RM)
01/01/11	Baki			3,700
10/01/11	Cek 12031	8,500		(4,800)
12/01/11	Arahan bayar		12,300	7,500
20/01/11	Tunai		30,400	37,900
20/01/11	Cek 12032	21,450		16,450
22/01/11	Cek 12030	1,500		14,950
25/01/11	Cek 12033	850		14,100
31/01/11	Cek 12035	500		13,600

Merujuk kepada penyata di atas, cek bernilai RM8,500 dikeluarkan untuk membeli perabot kedai yang baharu. Arahan bayaran merupakan bayaran daripada penghutang. Tunai yang dibankkan semuanya adalah daripada hasil jualan tunai. Amaun sebanyak RM21,450 ialah bayaran kepada pembekal, RM1,500 untuk sewa 3 bulan mulai Januari 2011, RM850 untuk bayaran gaji pekerja yang masih terhutang, dan RM500 untuk komisen jurujual.

Maklumat tambahan:

(1) Terdapat 20% daripada jualan tunai tidak dibankkan tetapi digunakan untuk membayar gaji sebanyak RM400, utiliti RM100, belanja am RM250, dan komisen jurujual RM120. Encik Din mengambil setengah daripada tunai yang tinggal sebelum menyerahkan bakinya kepada kerani kedai untuk disimpan sebagai tunai kedai.

(2) Semasa akaun ditutup pada 31 Januari 2011, baki akaun belum terima ialah RM15,680 dan akaun belum bayar ialah RM18,470.

(3) Untung kasar ditetapkan pada 30% daripada jumlah jualan.

(4) Pada 31 Januari, Encik Din menerima RM600 daripada seorang pelanggan yang berhutang dan wang ini telah digunakan untuk membayar yuran sekolah anaknya.

(5) Belian barang niaga semuanya dibuat secara kredit.

(6) Perabot yang ada pada 31 Januari dinilai pada RM11,800.

Dikehendaki:

- (i) Sediakan penyata pendapatan bagi bulan berakhir 31 Januari 2011. [12 markah]
- (ii) Sediakan kunci kira-kira pada 31 Januari 2011. [6 markah]
- (iii) Huraikan satu lagi kaedah yang boleh digunakan oleh Encik Din untuk menentukan untung kedai runcitnya. [2 markah]

KERTAS SOALAN CONTOH

948/2

STPM

PERAKAUNAN

KERTAS 2

(Dua jam)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab mana-mana empat soalan.

Semua kerja penghitungan hendaklah ditunjukkan dengan jelas.

Pencukaian hendaklah diabaikan dalam semua soalan, kecuali yang sebaliknya dinyatakan.

Markah untuk bahagian soalan diberikan dalam tanda kurung [].

Jadual nilai kini di bawah boleh digunakan jika perlu.

Jadual Nilai Kini

Nilai Kini untuk RM1.00

		12%	14%	16%	18%	20%	22%	24%	26%
Jangka masa	1	0.8929	0.8772	0.8621	0.8475	0.8333	0.8197	0.8065	0.7937
	2	0.7972	0.7695	0.7432	0.7182	0.6944	0.6719	0.6504	0.6299
	3	0.7118	0.6750	0.6407	0.6086	0.5787	0.5507	0.5245	0.4999
	4	0.6355	0.5921	0.5523	0.5158	0.4823	0.4514	0.4230	0.3968
	5	0.5674	0.5194	0.4761	0.4371	0.4019	0.3700	0.3411	0.3149
	6	0.5066	0.4556	0.4104	0.3704	0.3349	0.3033	0.2751	0.2500
	7	0.4523	0.3996	0.3538	0.3139	0.2791	0.2486	0.2218	0.1983
	8	0.4039	0.3506	0.3050	0.2660	0.2326	0.2038	0.1789	0.1574
	9	0.3606	0.3075	0.2630	0.2255	0.1938	0.1670	0.1443	0.1249
	10	0.3220	0.2697	0.2267	0.1911	0.1615	0.1369	0.1164	0.0992

Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak dan halaman kosong.

© Majlis Peperiksaan Malaysia

1 (a) Nyatakan **empat** perbezaan antara perakaunan kewangan dengan perakaunan pengurusan. [4 markah]

(b) Syarikat Cumiodi Berhad telah memberikan data kos dan hasil untuk tahun semasa seperti yang berikut:

Akaun	RM
Belian bahan mentah	57,600
Susut nilai kilang	26,880
Insurans kilang	3,200
Buruh langsung	38,400
Inventori awal bahan mentah	7,200
Inventori akhir bahan mentah	10,880
Utiliti kilang (75% berubah)	17,280
Penyenggaraan kilang	19,200
Belanja pentadbiran pejabat (60% berubah)	44,800
Bekalan kilang (40% berubah)	640
Belanja jualan (50% berubah)	51,200
Gaji pentadbiran kilang	27,040
Buruh tak langsung	14,560
Inventori awal bahan siap	6,400
Inventori akhir bahan siap	24,000

Dikehendaki:

- (i) Hitung kos prima dan kos barang dijual untuk Syarikat Cumiodi Berhad. [4 markah]
 (ii) Hitung kos produk berubah seunit jika syarikat mengeluarkan 8,000 unit produk dalam tahun semasa. [2 markah]

(c) Syarikat Fayuqi Sdn. Bhd. mengeluarkan dan menjual sejenis produk untuk kegunaan pejabat. Syarikat mengamalkan sistem pengekosan berasas aktiviti yang mudah untuk tujuan pembuatan keputusan. Kos overhead syarikat adalah seperti yang berikut:

Overhed perkilangan	RM400,000
Overhed jualan dan pentadbiran	240,000
Jumlah kos overhead	RM640,000

Sistem pengekosan berasas aktiviti syarikat itu mempunyai kelompok kos aktiviti dan ukuran aktiviti seperti yang berikut:

<i>Kelompok kos aktiviti</i>	<i>Ukuran aktiviti</i>
Berkaitan volum	Jumlah unit
Berkaitan pesanan	Jumlah pesanan
Sokongan pelanggan	Jumlah pelanggan

Syarikat Fayuqi mengagihkan kos overhed perkilangan dan kos overhed penjualan dan pentadbiran kepada kelompok aktiviti seperti yang berikut.

<i>Kos overhed</i>	<i>Kelompok kos aktiviti</i>		
	<i>Berkaitan volum</i>	<i>Berkaitan pesanan</i>	<i>Sokongan pelanggan</i>
Overhed perkilangan	50%	40%	10%
Overhed penjualan dan pentadbiran	20%	55%	25%
Jumlah aktiviti	1,000	250	100

Dikehendaki:

- (i) Sediakan jadual pengagihan tahap-pertama kos overhed perkilangan dan kos overhed penjualan dan pentadbiran kepada kelompok kos aktiviti. [4 markah]
- (ii) Hitung kadar aktiviti bagi setiap kelompok kos aktiviti. [6 markah]

2 (a) Syarikat Amuri Berhad mengeluarkan sejenis bahan kimia yang diproses di dua jabatan, iaitu Jabatan A dan Jabatan B. Data bagi bulan Oktober untuk Jabatan A adalah seperti yang berikut:

	<i>Liter</i>	<i>Bahan (RM)</i>	<i>Kos pertukaran (RM)</i>
Kerja dalam proses, 1 Oktober	60,000	51,975	54,750
Unit dimulakan dalam proses	570,000	–	–
Unit dipindahkan keluar	592,500	–	–
Kerja dalam proses, 31 Oktober	37,500	–	–
Kos ditambah dalam bulan Oktober	–	680,400	721,500

Inventori kerja dalam proses awal ialah 70% siap untuk bahan mentah dan 60% siap untuk kos penukaran. Inventori kerja dalam proses akhir 60% siap untuk bahan mentah dan 30% untuk kos pertukaran.

Dikehendaki:

- (i) Sediakan jadual kuantiti dengan menunjukkan unit setara untuk aktiviti bulan Oktober. [4 markah]
- (ii) Hitung kos seunit setara untuk bahan mentah dan kos penukaran. [6 markah]

(b) Syarikat Arinsal Berhad mengeluarkan dan menjual sejenis produk. Maklumat berikut adalah untuk dua tahun kewangan berakhir 30 Jun.

<i>Jenis kos berubah</i>	<i>Kos berubah seunit keluaran (ramalan)</i>	
	<i>2010</i>	<i>2011</i>
	(RM)	(RM)
Bahan langsung	26.00	26.50
Buruh langsung	11.00	11.00
Overhed pengeluaran	8.00	8.50
Overhed jualan	6.00	6.50

Jualan syarikat adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Tahun	Harga seunit RM	Volum unit
2009	58.00	50,000
2010	57.00	80,000

Kos tetap tahun 2009 ialah RM100,000 dan dijangka akan meningkat sebanyak 20% setiap tahun.

Dikehendaki:

- (i) Tentukan unit jualan yang diperlukan untuk mencapai titik pulang modal bagi tahun 2010 dan tahun 2011. [4 markah]
- (ii) Hitung margin keselamatan dalam ringgit bagi tahun 2010 dan tahun 2011. [3 markah]
- (iii) Perihalkan **tiga** perkara yang boleh ditunjukkan oleh carta titik pulang modal untuk menggambarkan kecekapan pengurusan syarikat. [3 markah]

3 (a) Nyatakan **tiga** perbezaan antara pengekosan serapan dengan pengekosan marginal. [3 markah]

(b) Syarikat Ixora Jaya Berhad mengeluarkan dan menjual sejenis keluaran berjenama XORA. Maklumat pengeluaran dan penjualan XORA bagi tahun berakhir 30 Jun 2011 adalah seperti yang berikut.

	Unit
Jualan	35,000
Keluaran	38,000
RM	
Harga penjualan seunit	14.50
Kos perkilangan:	
Bahan langsung seunit	5.40
Buruh langsung seunit	4.80
Overhed berubah seunit	1.80
Overhed tetap	55,000
Belanja penjualan dan pentadbiran:	
Berubah	8,750
Tetap	5,600
Overhed kilang tetap diserap berasaskan belanjawan berikut:	
Overhed tetap dibelanjawankan	RM50,000
Volum overhed pengeluaran dibelanjawankan	40,000 unit
Tiada inventori awal pada 1 Julai 2010	

Dikehendaki:

- (i) Tentukan kadar penyerapan overhed tetap pratentu. [1 markah]
- (ii) Hitung overhed tetap terlebih atau terkurang serap. [2 markah]
- (iii) Sediakan penyata pendapatan berasaskan teknik pengekosan marginal. [5 markah]

(c) Lim dan rakan-rakan sebuah firma guaman telah memberikan maklumat kos yang berkaitan dengan dua kes guaman yang sedang dikendalikan. Kadar yuran guaman ialah RM120 sejam. Pembantu professional kepada peguam dibayar RM50 sejam.

Masa dan kos operasi yang diperuntukan bagi setiap kes adalah seperti yang berikut:

	<i>Kes 1</i>	<i>Kes 2</i>
Masa peguam (jam)	43	62
Masa pembantu professional (jam)	2	6
Kos operasi langsung (RM)		
Penggunaan komputer	–	105
Fotokopi	28	16
Perjalanan	–	–
Telefon	118	100

Kadar overhed untuk semua kos operasi tak langsung ialah 80% atas upah langsung.

Dikehendaki:

Hitung jumlah kos bagi setiap kes di atas. [9 markah]

4 (a) Syarikat Melawar Berhad ingin melabur dalam pembelian peralatan yang berharga RM200,000. Maklumat yang berkaitan dengan peralatan itu adalah seperti yang berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Pendapatan sebelum susut nilai dan cukai (RM)</i>
1	70,000
2	70,000
3	70,000
4	70,000
5	70,000

Syarikat Melawar Berhad menggunakan kaedah garis lurus untuk menyusut nilai peralatan itu. Oleh kerana aset ini akan dibeli pada bulan Julai 2011, maka susut nilai bagi tahun 2011 adalah untuk setengah tahun sahaja. Peralatan itu mempunyai usia guna 4 tahun tanpa nilai skrap dan akan dijual pada 30 Jun 2015. Kos modal ialah 10% dan kadar cukai pendapatan syarikat ialah 26%.

Dikehendaki:

(i) Hitung tempoh bayar balik dan nilai kini bersih dengan menggunakan aliran tunai selepas cukai. [14 markah]

(ii) Nyatakan **satu** kebaikan dan **satu** keburukan bagi setiap kaedah penilaian pelaburan dalam (a)(i) di atas. [2 markah]

(b) Syarikat Perkilangan Suria Sdn. Bhd. mengeluarkan sejenis alat pengering rambut. Bagi tahun 2011, syarikat itu dijangka mengeluarkan dan menjual 120,000 unit pengering rambut. Kos pengeluaran berubah seunit ialah RM16 dan kos tetapnya ialah RM360,000. Pengurus besar mencadangkan pendekatan kos tokokan untuk menentukan harga pengering rambut itu pada kos penuh ditokok 20%.

Dikehendaki:

(i) Tentukan harga jualan seunit pengering rambut yang patut ditawarkan oleh syarikat itu. [2 markah]

(ii) Nyatakan **dua** faktor kualitatif yang perlu diambil kira oleh pengurus besar syarikat dalam penentuan harga pengering rambut itu. [2 markah]

5 Syarikat Alam Indah Sdn. Bhd. mengeluarkan produk X. Syarikat ini menggunakan sistem pengekosan piawai. Maklumat kos piawai untuk produknya adalah seperti yang berikut.

Kad Kos Piawai		
Kos per unit produk X		
Jenis kos	Kadar penggunaan	Kos seunit RM
Bahan langsung	13 kg @ RM15.00 per kg	195.00
Buruh langsung	7 jam @ RM9.00 per jam	63.00
Overhed berubah	7 jam @ RM1.50 per jam	10.50
Overhed tetap	7 jam @ RM2.50 per jam	17.50
Jumlah		286.00

Kadar piawai overhed pratentu adalah berasaskan penggunaan belanjawan tahunan 600,000 jam buruh langsung.

Sepanjang bulan pertama operasi keputusan berikut telah diperolehi.

Unit dikeluarkan	10,000
Bahan langsung dibeli (kg)	140,000
Kos belian bahan langsung (RM)	2,240,000
Bahan langsung digunakan (kg)	138,500
Kos buruh langsung (RM)	698,550
Masa buruh langsung digunakan (jam)	74,260

Kos overhed berubah:	RM
Utiliti	19,700
Penyenggaraan mesin	41,150
Bekalan	22,100
	82,950

Kos overhed tetap:	RM
Penyeliaan	67,700
Susut nilai loji	24,000
Susut nilai peralatan	13,000
Cukai tanah	1,450
Insurans kilang	4,050
	110,200

Dikehendaki:

- (i) Hitung varians harga bahan mentah dan varians penggunaan bahan mentah. [4 markah]
- (ii) Hitung varians kadar buruh langsung dan varians kecekapan buruh langsung. [4 markah]
- (iii) Hitung varians perbelanjaan overhed berubah dan varians kecekapan overhed berubah. [4 markah]
- (iv) Hitung varians perbelanjaan overhed tetap dan varians volum overhed tetap. [4 markah]
- (v) Nyatakan **satu** sebab bagi setiap varians di atas. [4 markah]

KERTAS SOALAN CONTOH

948/3

STPM

PERAKAUNAN

KERTAS 3

(Satu jam)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

*Jawab mana-mana **dua** soalan sahaja daripada **tiga** soalan yang diberikan.*

Semua kerja penghitungan hendaklah ditunjukkan dengan jelas.

Pencukaaian hendaklah diabaikan dalam semua soalan, kecuali yang sebaliknya dinyatakan.

Markah untuk bahagian soalan diberikan dalam tanda kurung [].

Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak dan halaman kosong.

© Majlis Peperiksaan Malaysia

1 (a) Ahmad, Bakar dan Chan ialah pekongsi yang berkongsi untung dan rugi dengan nisbah 5:2:1. Perjanjian perkongsian memperuntukkan bahawa muhibah bagi kemasukan pekongsi baharu akan ditentukan dengan berasaskan 60% purata keuntungan tiga tahun lepas. Faedah atas modal tetap adalah pada kadar 7% setahun.

Pada 30 September 2007, akaun modal dan akaun semasa pekongsi mempunyai baki yang berikut:

Pekongsi	Akaun Modal RM	Akaun Semasa RM
Ahmad	130,000	15,100
Bakar	70,000	5,950
Chan	50,000	7,226

Pada 1 Oktober 2009, ketiga-tiga pekongsi bersetuju untuk menerima pengurus jualan, Darshan, sebagai pekongsi baru. Nisbah untung rugi perkongsian baharu bagi Ahmad, Bakar, Chan, dan Darshan ialah 4:2:1:1. Darshan akan menerima gaji RM8,000 setahun yang akan dikreditkan ke dalam akaun semasanya tiap-tiap 30 September.

Pada 1 Oktober 2009, Darshan membawa masuk RM35,000 tunai sebagai modal. Untuk tujuan penghitungan muhibah, untung bagi tahun berakhir 30 September adalah seperti yang berikut:

Tahun	Untung RM
2007	74,000
2008	86,000
2009	110,000

Untung bagi tahun berakhir 30 September 2010 sebelum mengambil kira gaji Darshan dan faedah atas modal pekongsi berjumlah RM125,000.

Dikehendaki:

- (i) Sediakan akaun perasingan untung rugi bagi tahun berakhir 30 September 2010. [6 markah]
- (ii) Hitung muhibah perkongsian semasa kemasukan Darshan. [2 markah]
- (iii) Jelaskan mengapa perkongsian Ahmad, Bakar, Chan, dan Darshan perlu menyediakan akaun semasa pekongsi. [2 markah]

(b) Syarikat Urico Berhad telah ditubuhkan dengan modal saham yang dibenarkan seperti yang berikut:

	Bilangan saham	Nilai par sesaham
Saham keutamaan 6%	10,000,000	RM1.00
Saham biasa	50,000,000	RM0.50

Ekuiti pemegang saham pada 1 Januari 2010 adalah seperti yang berikut:

Modal saham biasa	RM5,000,000
Premium saham	RM1,000,000
Pendapatan tertahan	<u>RM2,000,000</u>
	<u><u>RM8,000,000</u></u>

Urus niaga berikut telah berlaku dalam tahun 2010.

- | | |
|-----------|--|
| 3 Januari | Menerbitkan 4,500,000 unit saham keutamaan 6% pada premium 10%. Terbitan ini dilanggan sepenuhnya. |
| 16 Mei | Menerbitkan saham hak pada kadar satu saham biasa bagi dua saham biasa yang dipegang. Saham tersebut diterbitkan pada harga RM0.55 per saham. |
| 1 Julai | Menebus bon berjumlah RM300,000 dengan menerbitkan 500,000 unit saham biasa pada harga RM0.60 per saham. |
| 31 Dis | Untung bersih sebelum dividen berjumlah RM1,800,000. Lembaga pengarah telah mengisytihar dividen keutamaan untuk tahun semasa pada 31 Disember 2010. Dividen sebanyak RM0.05 per saham juga diisytiharkan untuk semua saham biasa pada tarikh yang sama. |

Dikehendaki:

- (i) Sediakan catatan jurnal untuk merekodkan urus niaga dan peristiwa di atas. [8 markah]
- (ii) Jelaskan perbezaan antara rizab hasil dengan rizab modal [2 markah]

2 Penyata pendapatan dan kunci kira-kira Syarikat Indah Palma Sdn. Bhd. adalah seperti yang berikut:

Syarikat Indah Palma Sdn. Bhd.
Penyata Pendapatan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

	RM	RM
Hasil jualan		1,208,000
Kos barang dijual		<u>(1,044,000)</u>
Untung kasar		164,000
Tolak belanja:		
Jualan	44,000	
Susutnilai	17,000	
Gaji	34,000	
Belanja pelbagai	<u>8,000</u>	<u>(103,000)</u>
Pendapatan bersih daripada operasi		61,000
Tambah: Hasil faedah dan dividen		<u>3,000</u>
Pendapatan bersih sebelum cukai		64,000
Tolak: Cukai pendapatan		<u>(28,000)</u>
Pendapatan bersih		<u><u>36,000</u></u>

Syarikat Indah Palma Sdn. Bhd.
Penyata Pendapatan Tertahan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

	RM
Pendapatan tertahan awal	88,000
Tambah: Pendapatan bersih	<u>36,000</u>
	124,000
Tolak: Dividen	<u>(12,000)</u>
Pendapatan tertahan akhir	<u><u>112,000</u></u>

Syarikat Indah Palma Sdn. Bhd.
Kunci Kira-kira Perbandingan
pada 31 Disember

	2010	2009
	RM	RM
Aset Semasa		
Tunai	53,000	45,000
Akaun belum terima	68,000	65,000
Inventori	102,000	98,000
Belanja pelbagai prabayar	3,000	2,000
	<u>226,000</u>	<u>210,000</u>
Aset Tetap		
Pelaburan jangka panjang	41,000	30,000
Tanah	55,000	55,000
Bangunan	165,000	130,000
Susut nilai terkumpul – bangunan	(28,000)	(21,000)
Kelengkapan	143,000	96,000
Susut nilai terkumpul – kelengkapan	(28,000)	(18,000)
	<u>348,000</u>	<u>272,000</u>
	<u>574,000</u>	<u>482,000</u>
Liabiliti		
Akaun belum bayar	53,000	60,000
Cukai belum bayar	28,000	18,000
Gaji belum bayar	5,000	16,000
Bon belum bayar (12% jangka panjang)	90,000	40,000
	<u>176,000</u>	<u>134,000</u>
Ekuiti Pemegang Saham		
Saham biasa (RM 5.00 nilai par)	220,000	200,000
Premium saham	66,000	60,000
Pendapatan tertahan	112,000	88,000
	<u>398,000</u>	<u>348,000</u>
	<u>574,000</u>	<u>482,000</u>

Maklumat tambahan

(1) Saham daripada syarikat lain bernilai RM11,000 telah dibeli sebagai pelaburan jangka panjang.

(2) Bangunan dan kelengkapan yang masing-masing bernilai RM35,000 dan RM47,000 telah dibeli dalam tahun 2010.

(3) Bon belum bayar bernilai RM50,000 telah diterbit untuk tunai.

(4) Sebanyak 4,000 unit saham biasa telah diterbit pada harga RM6.50 seunit.

(5) Dividen yang diisytiharkan RM12,000 bagi tahun 2010 telah dibayar.

Dikehendaki:

(i) Sediakan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 mengikut kaedah langsung. [16 markah]

(ii) Berikan ulasan tentang aktiviti yang mempengaruhi kedudukan tunai syarikat berasaskan penyata yang disediakan dalam (i). [4 markah]

- 3 (a) Jelaskan mengapa kos campuran diasingkan kepada komponen kos tetap dan kos berubah dalam penyediaan belanjawan boleh ubah. [2 markah]
- (b) Nyatakan **tiga** kegunaan belanjawan dan **tiga** kelemahan belanjawan. [6 markah]
- (c) Maklumat kewangan bagi Syarikat Nora Berhad adalah seperti yang berikut.

**Syarikat Nora Berhad
Penyata Pendapatan
bagi tahun berakhir 31 Disember**

	2010 RM	2009 RM
Jualan	1,950,000	1,560,000
Kos barang dijual	(1,245,000)	(1,062,000)
Untung kasar	705,000	498 000
Belanja jualan dan pentadbiran	(452,400)	(344,400)
Belanja faedah	(21,600)	(18,000)
Untung bersih sebelum cukai	231,000	135,600
Cukai pendapatan	(54,000)	(42,000)
Untung bersih selepas cukai	177,000	93,600

Syarikat Nora Berhad
Kunci Kira-kira pada 31 Disember

	2010	2009
	RM	RM
Aset tetap:		
Loji dan peralatan (bersih)	1,403,000	1,149,000
Aset semasa:		
Tunai	41,000	54,000
Sekuriti boleh pasar	54,000	45,000
Akaun belum terima (bersih)	276,000	222,000
Inventori	252,000	210,000
	623,000	531,000
Liabiliti semasa:		
Akaun belum bayar	112,000	330,000
Cukai belum bayar	69,000	60,000
	181,000	390,000
Aset semasa bersih	442,000	141,000
	1,845,000	1,290,000
Dibiayai oleh:		
Saham biasa	450,000	450,000
Pendapatan tertahan	777,000	600,000
Bon belum bayar	618,000	240,000
	1,845,000	1,290,000

Maklumat tambahan:

- (1) Semua jualan adalah secara kredit.
- (2) Inventori pada 31 Disember 2008 ialah RM180,000.
- (3) Jumlah aset pada 31 Disember 2008 ialah RM1,440,000.

Dikehendaki:

Hitung yang berikut bagi Syarikat Nora Berhad bagi tahun 2010 dan tahun 2009. Berikan ulasan bagi setiap perubahan nisbah yang dihitung.

- | | |
|-------------------------------------|------------|
| (i) Nisbah semasa | [2 markah] |
| (ii) Nisbah cepat | [2 markah] |
| (iii) Pusing ganti inventori | [2 markah] |
| (iv) Pulangan atas aset (ROA) | [2 markah] |
| (v) Nisbah hutang atas ekuiti | [2 markah] |
| (vi) Nisbah untung bersih atas aset | [2 markah] |

TUGASAN KERJA KURSUS CONTOH

948/4

STPM

KERJA KURSUS PERAKAUNAN

KERTAS 4

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

© Majlis Peperiksaan Malaysia

STPM 948/4

Calon dikehendaki melaksanakan Tugas 1 dan Tugas 2.

1 Tugas 1: Sistem Perakaunan Berkomputer

(a) Sediakan dokumen sumber yang meliputi sekurang-kurangnya

- (i) 5 resit,
- (ii) 8 invois,
- (iii) 5 baucer,
- (iv) 1 memo/nota debit,
- (v) 1 memo/nota kredit,
- (vi) 5 slip bank,
- (vii) 5 keratan cek.

(b) Calon dikehendaki menyediakan dokumen sumber berasaskan perniagaan sebenar atau rekaan yang telah beroperasi sekurang-kurangnya 1 tahun.

(c) Tempoh perakaunan yang diuji ialah sebulan.

(d) Jenis perniagaan ialah pengeluaran perabot, roti/kek, sos cili/tomato, dan pakaian.

(e) Dengan menggunakan dokumen-dokumen sumber di atas, calon dikehendaki menyediakan satu laporan bercetak yang mengandungi perkara yang berikut.

- (i) Pengenalan perniagaan
- (ii) Pengekoda akaun
- (iii) Kelompok urus niaga
- (iv) Akaun lejar
- (v) Imbangan duga
- (vi) Penyata Pendapatan
- (vii) Kunci kira-kira
- (viii) Lampiran contoh dokumen

(f) Hasil kerja calon mesti meliputi kitaran perakaunan yang lengkap.

(g) Semua kerja untuk tugas di atas dibuat di dalam makmal komputer sekolah dengan menggunakan perisian perakaunan yang berada dalam pasaran dan di bawah pengawasan guru.

2 *Tugasan 2: Penyediaan Belanjawan Induk*

(a) Berasaskan maklumat mengenai perniagaan dalam Tugasan 1, calon dikehendaki menyediakan belanjawan induk yang meliputi perkara yang berikut (yang mana berkaitan).

- (i) Pengenalan syarikat
- (ii) Belanjawan jualan
- (iii) Belanjawan pengeluaran
- (iv) Penggunaan bahan
- (v) Belanjawan belian bahan
- (vi) Belanjawan buruh langsung
- (vii) Belanjawan overhead kilang
- (viii) Belanjawan inventori
- (ix) Belanjawan belanja jualan dan pentadbiran
- (x) Belanjawan tunai
- (xi) Penyata perkilangan pro forma
- (xii) Penyata pendapatan pro forma
- (xiii) Kunci kira-kira pro forma

(b) Semua kerja untuk tugasan di atas dibuat di dalam makmal komputer sekolah dengan menggunakan perisian lembaran kerja dan pemprosesan perkataan seperti *MS Excell* dan *MS Word* dan di bawah pengawasan guru.

KERTAS SOALAN CONTOH

948/5

STPM

PERAKAUNAN

KERTAS 5

(Satu jam suku)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab semua soalan.

Semua kerja penghitungan hendaklah ditunjukkan dengan jelas.

Pencukaian hendaklah diabaikan dalam semua soalan, kecuali yang sebaliknya dinyatakan.

Markah untuk bahagian soalan diberikan dalam tanda kurung [].

Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak dan halaman kosong.

© Majlis Peperiksaan Malaysia

STPM 948/5

1 (a) Andaikan anda ingin menggunakan pakej perisian perakaunan,

(i) perihalkan **empat** kelebihan menggunakan pakej perisian perakaunan dalam pemprosesan maklumat perakaunan, [8 markah]

(ii) senaraikan **enam** modul yang biasanya terdapat dalam pakej perisian perakaunan, [3 markah]

(iii) senaraikan **empat** langkah permulaan yang perlu dilaksanakan sebelum urus niaga boleh direkod, [2 markah]

(iv) perihalkan **empat** ciri Kod Carta Akaun yang berkualiti. [4 markah]

(b) Senarai akaun dalam buku akaun Syarikat Syeema Sdn. Bhd. pada 31 Disember 2010 adalah seperti yang berikut.

- (i) Tanah pegangan bebas
- (ii) Lori (kos)
- (iii) Peruntukan susut nilai lori
- (iv) Van (kos)
- (v) Peruntukan susut nilai van
- (vi) Inventori awal
- (vii) Belian
- (viii) Pulangan belian
- (ix) Pulangan jualan
- (x) Tunai di Bank Com
- (xi) Tunai di Bank Mel
- (xii) Tunai di tangan
- (xiii) Akaun belum terima:
 - Merdu Sdn. Bhd.
 - Teguh Sdn. Bhd.
 - Alang Sdn. Bhd.
- (xiv) Akaun belum bayar:
 - Tiang Sdn. Bhd.
 - Suria Sdn. Bhd.
 - Kagum Sdn. Bhd.
- (xv) Modal
- (xvi) Untung bersih terkumpul

Pada 1 Januari 2011 syarikat membeli pakej perisian perakaunan bagi memudahkan kerja kerani akaun. Langkah pertama yang perlu dilakukan oleh kerani syarikat adalah menyediakan carta akaun (pengekodan). Yang berikut ialah garis panduan untuk menyediakan carta akaun.

<i>Kod Akaun</i>	<i>Jenis Akaun</i>
1 000/XXX	Modal/Untung bersih terkumpul
2 000/XXX	Harta tanah dan loji dan peralatan
3 000/XXX	Aset semasa
4 000/XXX	Liabiliti semasa
5 000/XXX	Jualan/Pendapatan
6 000/XXX	Kos barang dijual
7 000/XXX	Akaun perkilangan
8 000/XXX	Akaun lain (Pencukaaian, Akaun pengasingan)
9 000/XXX	Perbelanjaan

Dikehendaki:

Berdasarkan butiran di atas, sediakan carta akaun Syarikat Syeema Sdn. Bhd.

[8 markah]

2 Syarikat Hilnor Berhad mengeluarkan dan menjual sejenis produk yang mempunyai permintaan bermusim di mana permintaan adalah tinggi dalam sukuan ketiga. Maklumat berikut adalah berkaitan dengan operasi untuk keempat-empat sukuan tahun hadapan (tahun ke-3) dan dua sukuan pertama tahun ke-4.

(1) Produk syarikat dijual pada harga RM16.00 seunit. Jualan dibelanjawankan untuk 6 sukuan yang akan datang adalah seperti berikut:

<i>Butiran</i>	<i>Sukuan Tahun ke-3</i>				<i>Sukuan Tahun ke-4</i>	
	1	2	3	4	1	2
Jualan dianggarkan dalam unit	20,000	30,000	50,000	25,000	35,000	40,000

(2) Syarikat menetapkan unit inventori akhir barang siap dalam tangan pada setiap akhir sukuan bersamaan 30% atas jualan anggaran untuk sukuan berikut. Pada 31 Disember tahun ke-2, syarikat mempunyai 6,000 unit barang niaga dalam tangan.

(3) Tiga kilogram bahan mentah diperlukan bagi setiap unit produk siap. Syarikat menetapkan inventori akhir bahan mentah pada setiap hujung sukuan bersamaan dengan 10% keperluan pengeluaran untuk sukuan berikutnya. Pada 31 Disember tahun ke-2, syarikat mempunyai 11,500 kg. bahan mentah dalam tangan. Harga belian bahan mentah RM1.60 kg.

Dikehendaki:

(a) Sediakan belanjawan yang berikut untuk empat sukuan tahun ke-3:

- (i) Belanjawan jualan [3 markah]
- (ii) Belanjawan pengeluaran [8 markah]
- (iii) Belanjawan penggunaan dan belian bahan mentah [12 markah]

(b) Daripada penelitian anda terhadap belanjawan pengeluaran yang disediakan dalam (a)(ii), jelaskan mengapa syarikat mengeluarkan unit yang lebih atau kurang berbanding unit yang dijual dalam setiap sukuan. [2 markah]